



قلنتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 15

RABU 13HB APRIL, 1983.

رأبو 29 جمادي الاخير 1403

PERCUMA

DUTA JEPUN KE MALAYSIA MENGADAP KEBAWAH D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanul Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah telah berkenan menerima mengadap Duta Jepun ke Malaysia, T.Y.T. Awang Akitane Miuchi pada hari Sabtu lalu. Duta Jepun itu disertai oleh Setiausaha Pertama Kedutaan Jepun di Malaysia, Awang Tsuneyuke Yamamoto.

BERANGKAT SAMA

Berangkat sama di Istiadat Mengadap itu ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Y.T.M. Paduka Seri Duli

Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Dari Istana Darul Hana, T.Y.T. Awang Akitane berkunjung ke Hijau Baiduri untuk mengadap Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Tuan Yang Terutama Duta Jepun itu berada di sini untuk lawatan selama tiga hari. Beliau berlepas pulang pada hari Ahad lalu.

Semasa berada di sini, Awang Akitane juga mengadakan perbincangan-perbincangan dengan T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson, Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M. Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz dan Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman.



Tuan Yang Terutama Duta Jepun ke Malaysia, Awang Akitane Kuichi ketika mengadap ke hadapan majlis Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

T-JAWAB LEBIH BESAR DI ZAMAN MERDEKA

KOTA BATU. — Di zaman kemerdekaan nanti kita akan sama-sama memikul tanggungjawab yang lebih besar dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran termasuk pengaruh-pengaruh yang datang dari luar.

Dalam memikul tanggungjawab dan menghadapi cabaran sedemikian itu, adalah menjadi harapan kita semua supaya kesedaran dan kesejahteraan hidup di negeri ini akan terus-menerus kita pertahankan dan kita tingkatkan lagi bagi memastikan bahawa kita akan dapat mewariskan satu corak kehidupan bernegara dan bermasyarakat yang penuh dengan nikmat kebahagiaan dan kemakmuran kepada keturunan yang akan datang.

Kita sama-sama yakin bahawa kehidupan seperti itu hanya akan dapat dicapai sepenuhnya dengan berlandaskan ajaran-ajaran kitab Suci Al-Quran yang mana

ianya kita akui adalah sebaik-baik pegangan.

Demikian telah ditegaskan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman, Pemangku Setiausaha Kerajaan dalam Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Dewasa bagi kawasan Brunei I, yang telah disampaikan oleh Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Setiausaha Kerajaan.

Musabaqah tersebut diadakan di Dewan Sekolah Melayu Pintu Malim pada 3hb. April yang lalu.

Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri

Setia Awang Abd. Rahman berkata bahawa pada keseluruhannya masyarakat Islam di Brunei telah menunjukkan kesedaran yang sangat tinggi terhadap kehidupan beragama yang mana telah meletakkan Agama Islam di negeri ini berkembang dengan baik dan menjadi sandaran hidup serta mempunyai pengaruh yang luas dalam berbagai-bagai bidang yang bukan sahaja dirasakan oleh orang-orang Islam bahkan juga dapat disedari oleh rakyat dan penduduk yang bukan beragama Islam.

Katanya, adalah diharapkan perkembangan Syiar Islam di negeri ini dan kesedaran orang ramai mengenainya akan berterusan termasuklah pada mendukung sepenuhnya usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia yang dari dahulu hingga sekarang tidak pernah mengabaikan perkembangan Agama Islam di negeri ini sesuai dengan kehendak Perlembagaan menjadikan Islam itu sebagai Agama Rasmi.

Dalam menyokong usaha-usaha kerajaan ke arah menyebarkan ajaran-ajaran Agama Islam di kalangan

masyarakat di negeri ini, tam-bahnya, kita semua tentunya menyedari bahawa kejayaan usaha-usaha sedemikian akan mendatangkan manfaat yang sangat besar bagi kejayaan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Selanjutnya Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan menyatakan
Lihat muka 24

Pegawai2 AMDB naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan dengan sukacita Pemerintah Pasukan telah memaklumkan kenaikan pangkat bagi tiga orang lagi pegawai dari Unit Pusat Latihan.

Mereka ialah Pegawai Kadet Ak Sarbini bin Pg Mahmud, Pegawai Kadet Awg. Abu Bakar bin Awg Hassan dan Pegawai Kadet Harith bin Hj. Abd. Karim.

Pegawai-pegawai tersebut dinaikkan pangkat kepada Leftenan Muda bermula pada 25hb. Mac, 1983 lepas.



13HB. APRIL, 1983

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

Majlis Tempatan Masjid-Masjid:

MENEMPATKAN BRUNEI

PADA KEDUDUKANNYA

YANG WAJAR

Perasmian Majlis Tempatan Masjid-Masjid baru-baru ini telah merangkaikan satu lagi sejarah penting negeri ini sebagai sebuah kesultanan Islam. Penerimaan konsep Majlis Masjid-

Masjid Sedunia yang berpusat di Mekah Al-Mukarramah adalah sangat tepat dengan hakikat keislaman negeri kita dari segi kedudukan dan amalannya.

Di sebalik penubuhan Majlis berkenaan itu kita sangat menjunjung tinggi perkenan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke atas pembentukannya. Dari mula lagi sewaktu pemikiran awal mengenainya diketengahkan oleh Pertubuhan Rabithah Al-Alam Al-Islami maka Kebawah D.Y.M.M. telah memperkenankan supaya Majlis Agama Islam Brunei mengkajinya serta meneliti dari segi muslihat dan kepentingan pemikiran itu ke atas negara. Dan memang tepat sekali manakala Majlis Tempatan Masjid-Masjid itu akan berfungsi di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama di mana ia setentunya akan sentiasa memelihara muslihat Kerajaan dalam semua usaha dan kegiatannya.

Bagi setengah-setengah orang yang sentiasa meneliti gerak langkah Kerajaan dalam jangka waktu menjelang kemerdekaan maka sikap yang diambil itu mungkin akan ditafsirkan sebagai menandakan hala dan aliran negeri ini dalam apa yang biasa disebut kecenderungannya ke

arah Islam. Penubuhan Majlis Tempatan Masjid-Masjid itu sememangnya menempatkan Brunei pada kedudukan yang wajar sebagai sebahagian dunia Islam. Hal itu sepatutnya tidaklah aneh. Jika dengan kemerdekaannya nanti Brunei akan muncul di arena antarabangsa dengan memikul tanggungjawab sepenuhnya sebagai sebuah Kesultanan Islam yang berdaulat lagi merdeka maka tentulah sebahagian tanggungjawabnya ialah untuk memajukan kerjasama dan persefahaman dengan dunia Islam. Sebaliknya adalah aneh jika tanggungjawab sedemikian itu tidak cuba dinampakkan dengan se jelas-jelasnya.

Yang penting difahami dengan baik sangka oleh orang lain ialah bahawa hakikat keislaman Brunei telahpun terbukti menjadikannya negeri yang aman dan sejahtera bagi semua rakyat dan penduduknya dari berbagai keturunan dan anutan agama. Sebarang langkah mengesahkan hakikat keislamannya itu sudah setentunya merupakan usaha meningkatkan mutu keamanan dan kesejahteraan yang sudah dinikmati bersama. Tidak ada tafsiran lain yang setepatnya selain itu. Maka orang lain yang berminat dalam hal-ehwal negeri ini sebaik-baiknya tidak patut keliru apabila mendapati Brunei

— iaitu Kerajaan dan rakyatnya — memberi perhatian kepada aspek keislamannya.

Kepada masyarakat Islam sendiri perlu pula menegaskan bahawa yang semakin bertambah terhad aspek keislaman itu tidaklah menjadi sesiap untuk tidak seterusnya rasional. Kejayaan strategi keagamaan dalam dekad-dekad terakhir kerana sikap rasional semua lapisan orang-orang kita sebab sikap demikian itu akan bahkan perkembangan yang pesat sekarang dalam mengesahkan keislaman itu memerlukan keyakinan sikap yang membawa dalam mengesahkan strategi itu.

Begitulah. Dalam hubungan Majlis Tempatan Masjid-Masjid 'menempatkan' Brunei pada kedudukan yang wajar sebagai sebahagian dunia Islam itu kita sebenarnya masih pada dasar sederhana dengan bersikap sikap sedemikian itu akan terus tempat dalam kita semakin membina kepada aspek-aspek keislaman kita.

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana pada keseluruhannya dan sejauh ini Islam di Brunei telah menunjukkan kesedaran yang sangat tinggi terhadap kehidupan beragama yang mana dengan demikian telah meletakkan Agama Islam di Brunei ini khasnya berkembang dengan baik dan menjadi sandaran hidup yang mempunyai pengaruh yang luas dalam berbagai-bagai bidang yang bukan sahaja dirasakan oleh orang-orang Islam bahkan juga dapat disedari oleh rakyat dan penduduk negeri ini yang bukan beragama Islam.

Adalah diharapkan perkembangan syiar Agama Islam dan kesedaran orang ramai mengenainya di negeri ini akan berterusan termasuklah pada mendukung sepenuhnya usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang dari dahulu sehingga sekarang ini tidak pernah mengabaikan perkembangan agama di negeri ini sesuai dengan kehendak perlembagaan menjadikan Islam sebagai Agama Rasmi.

Dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan ke arah menyebarkan ajaran agama di kalangan masyarakat di negeri ini, kita semua barang setentunya menyedari bahawa kejayaan usaha-usaha sedemikian akan mendatangkan manfaat yang sangat besar untuk kehidupan kita bagi maksud kebahagiaan di akhirat dan juga kejayaan hidup di dunia ini.

Kesejahteraan hidup harus ditingkatkan

BERBAGAI CABARAN DIHADAPI DI ZAMAN MERDEKA

Pada masa-masa hadapan khasnya di zaman kemerdekaan, kita akan sama-sama memikul tanggungjawab yang lebih besar dan juga menghadapi berbagai-bagai cabaran termasuklah berbagai-bagai pengaruh yang datang dari segenap penjuru, dalam memikul tanggungjawab dan menghadapi cabaran sedemikian itu adalah menjadi harapan kita semua supaya kesedaran dan kesejahteraan hidup di negeri ini akan terus menerus dapat kita pertahankan bahkan kita tingkatkan lagi semaksimal mungkin pada mempastikan bahawa kita akan dapat mewariskan kepada keturunan yang akan datang satu corak kehidupan bernegara dan bermasyarakat yang penuh dengan nikmat dan kebahagiaan, dan kita sama-sama yakin bahawa kehidupan seperti itu hanya akan dapat dicapai sepenuhnya dengan berlandaskan ajaran-ajaran Al-Quran yang Maha Suci yang mana

kitab suci Al-Quran adalah kita akui sebagai sebaik-baik pegangan.

Di dalam Al-Quran itu sendiri sebagaimana kita sama-sama maklum terdapat berbagai-bagai ajaran dan langkah-langkah yang sepatutnya kita laksanakan pada merancang kehidupan di dunia dan kebahagiaan di akhirat yang mana antara lain telah merakamkan bahawa bagi ketinggian sesuatu umat adalah mustahak sentiasa diungkuhkan kemajuan ilmu pengetahuan dan juga kerajinan serta ketekunan bekerja.

Sesuai dengan ajaran Al-Quran ini, maka adalah menjadi tanggungjawab kepada seluruh umat Islam khasnya dan semua penduduk negeri ini amnya bagi sama-sama memikul hasrat kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk sentiasa dari semasa kesemasa mengemaskinikan bidang pelajaran anak-anak kita di negeri ini, dari segi yang tersebut

maka langkah-langkah Kerajaan ke arah menyediakan segala kemudahan pelajaran tidaklah menjadi satu perkara yang meragukan, maka apa yang patut ditimbulkan pada masa ini ialah supaya setiap golongan masyarakat di negeri ini termasuklah ibu bapa dan penuntut-penuntut hendaklah sama-sama memainkan peranan mereka masing-masing ke arah memajukan bidang pelajaran itu supaya dapatlah kita dari semasa kesemasa menolong anak-anak kita bagi mencapai kelulusan yang lebih membanggakan kerana sebagaimana kita tahu kejayaan anak-anak kita dalam peperiksaan mereka adalah menjadi sebahagian jaminan yang amat penting bagi menentukan corak perkembangan negeri ini di masa hadapan.

Kita juga mengetahui bahawa di samping mewajibkan setiap orang menuntut ilmu, maka salah satu tanggungjawab yang dituntut oleh agama ialah supaya setiap orang

menjalankan apa jua usaha dan pekerjaan dengan penuh dedikasi dan ketekunan tanpa terlalu memilih-milih dan tanpa rasa keengganan kerana sesungguhnya salah satu nikmat beragama itu ialah mematuhi ajarannya yang menggesa setiap orang menghindarkan diri daripada menganggur atau menjalankan tugas dengan tiada hati-hati dan ketekunan, pada masa sekarang bagi negeri Brunei perkara mendapatkan pekerjaan bukanlah satu masalah akan tetapi masalah kita yang sebenarnya ialah bagaimana menentukan supaya orang-orang kita sendiri dapat meneroka bidang-bidang dan peluang-peluang pekerjaan yang sentiasa terbuka luas yang tidaklah semestinya dalam sektor Kerajaan akan tetapi terdapat beberapa peluang yang boleh dirancang dan diungkuhkan oleh orang-orang kita masing-masing.

Kita sama-sama berharap mudah-mudahan

BERIKUT ialah ucapan Berhormat Pemangku Kerajaan, Pehin Orang Setia Pahlawan Datuk Awang Abdul Rahman Perasmian Musabiq Al-Quran Peringkat Kawasan Brunei I diadakan di Dewan Melayu Pintu Malis Arpil yang lalu.

Ucapan Yang Berhormat Pemangku Kerajaan, Pehin Orang Setiausaha Kerajaan, Mohd. Salleh bin Haji

beragama itu dapat kita capai berzaman, dan demikian perkembangan pengetahuan kesedaran hendaklah melaksanakan Al-Quran yang kaum muslim sentiasa mendidik anak-anak mereka sebagai-baik-baik ajaran serupa dan akan sesuai dengan bimbingan dan masyarakat adalah bergandengan dan dalam jasadnya dalam keluarga.

Kerajaan sedemikian bahawa usaha menyebarkan ajaran Al-Quran adalah menjadi tanggungjawab kita bersama ketekunan dan ketekunan di negeri ini kendur-kendur mendalami Al-Quran dan mematuhi ajaran agama, sedemikian kita maksud kita untuk menjadikan sebuah negeri kehidupan dan kesejahteraan



Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam sempat mengunjungi dan berbual-bual dengan pegawai-pegawai dan rekrut-rekrut Pasukan Askar Wanita di Markas pasukan itu.



Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika memeriksa Perbarisan Rekrut Pengambilan ke-4 Askar Wanita.

YANG Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam bte Haji Abdul Aziz telah berkenan berangkat ke Perkhemahan Bolkiah pada 1hb. April, yang lalu.

Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam yang juga selaku Kolonel Komandan Pasukan Askar Wanita telah diberi penghormatan untuk memeriksa Perbarisan Tamat Latihan bagi 49 rekrut baru pengambilan ke-4 yang telah menamatkan latihan enam bulan di Pusat Latihan Perkhemahan Bolkiah.

Yang Teramat Mulia juga telah berkenan menyampaikan hadiah kepada rekrut-rekrut terbaik semasa menjalani latihan.

Berangkat sama ke Upacara tersebut ialah Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain. Y.D.M. Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah juga hadir.

Setelah selesai upacara tersebut, Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri dan lain-lain Kerabat Diraja dijunjung berangkat ke Muzium Pasukan untuk menyaksikan pameran berbagai alat kelengkapan dan aktiviti-aktiviti pasukan AMDB.

Sebelum berangkat meninggalkan Perkhemahan Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam sempat berbual mesra dengan pegawai-pegawai dan rekrut-rekrut Pasukan Askar Wanita di Markas pasukan itu.

YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain antara yang turut berangkat di upacara perbarisan dan mengunjungi Muzium Pasukan. Juga kelihatan ialah YDM Dayang-Dayang Diraja Datin Seri Utama Hajjah Rosnah.



Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam menandatangani Buku Lawatan Muzium Pasukan itu. (atas)

Muzium Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei yang memamerkan berbagai-bagai kelengkapan dan aktiviti-aktiviti pasukan tersebut, antara yang sempat dilawati oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri. Juga kelihatan ialah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan Major Dato Paduka Peat.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....

BERSUCI

Siri Ke-178
(Sambungan)

21. Sunat membaca doa yang biasa dibaca selepas selesai berwuduk itu dan selepas selesai mandi hadas dengan cara mengadap kiblat, mengangkat dua tapak tangan dan memandang ke arah langit. Doa itu mengandungi erti: "Hamba naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya dalam wujud ini melainkan Allah sahaja yang tiada ada sekutu bagi-Nya, dan hamba naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu hamba Allah dan pesuruh-Nya. Allahumma ya Allah mohon jadikan hamba daripada golongan orang yang bertaubat, dan mohon jadikan hamba daripada golongan orang yang bersuci, maha suci Tuhan hamba Allahumma

ya Allah dari segala yang tiada layak kepada Tuhan hamba, dengan keadaan hamba memuji Tuhan hamba, hamba naik saksi bahawa tiada Tuhan disembah dengan sebenarnya dalam wujud ini, melainkan Tuhan hamba, hamba mohon ampun daripada Tuhan hamba dan mohon bertaubat dan kembali kepada Tuhan hamba, dan selawat dan salam ke atas Nabi kita s.a.w. dan keluarga dan sahabat Baginda dan segala puji-pujian itu tertentu kepada Allah Tuhan Rabbil 'Alamin jua."

Sesudah itu ia menyapukan kedua tapak tangannya ke muka, kemudian ia membaca

surah Inna Anzalnahu Fi Lailatil Qadri hingga akhirnya (3 kali) dengan tiada mengangkat tangan, kemudian ia baca ayat Al Kursi (sekali) iaitu *Allahu la ilaha illa hual hayyul qayyum* hingga akhirnya, menurut hadis-hadis bahawa barangsiapa membaca selepas berwuduk atau mandi hadas atau mandi sunat akan doa *Ashadu alla ilaha illallah* hingga akhirnya dan membaca *Allahumaj 'alni minattawwabina* hingga akhirnya maka ia dijamin akan dimasukkan ke dalam ahli syurga dan ia tiada akan membuat sesuatu perkara yang mengeluarkan ia dari Islam serta akan terpelihara dari menjadi orang murtad, ini suatu rahmat Allah Taala yang

besar kepada orang yang bermal dengan doa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. yang di atas ini pada tiap-tiap kali ia berwuduk atau mandi hadas atau mandi sunat.

22. Barangsiapa ada di atasnya beberapa mandi wajib seperti janabah dan haid atau barangsiapa yang ingin melakukan beberapa mandi sunat, seperti mandi kerana Hari Raya dan mandi kerana sembahyang Jumaat, maka memadailah baginya memasang niat mandi salah satu darinya dan ia akan dapat pahala mandi yang diniatkannya itu, sementara itu gugur tuntutan mandi yang tiada diniatkannya, dan tiadalah ia dapat sesuatu pahala kerananya. Seorang yang wajib atasnya mandi janabah dan haid dalam suatu masa sedangkan ia mandi dengan niat haid sahaja, yang demikian gugurlah

tuntutan daripadanya akan kedua-dua mandi itu, tetapi ia diberi pahala pada mandi yang ia niatkan itu sahaja iaitu mandi haid. Seterusnya kiaskanlah mandi Hari Raya dengan mandi sembahyang Jumaat itu.

23. Orang yang ada di atasnya mandi wajib dan mandi sunat seperti mandi janabah dan mandi sembahyang Jumaat, maka tiadalah memadai salah satu mandi itu mengambil tempat mandi yang satu lagi itu, akan tetapi jika ia niat akan kedua-duanya dengan satu mandi itu, maka dapatlah ia pahala keduanya itu, kerana perkara taharah (bersuci dari hadas) bermasukan di antara satunya dengan yang lain, dan tiadalah bermasukan perkara yang lain dari taharah seperti perkara sembahyang.

24. Sunat bagi orang junub, haid, nifas dan

seumpamanya ia membuang air dari badannya kuku dan melainkannya di hadas, kerana badannya itu bali kepada pada hari akan dan suku-suku buang sebelum akan tinggal dan daan junub, ha menyedihkan pada hari Kiamat kata qila: Bala tiap sehelai akan menuntun bagi dia hadasnya itu.

WALLAHU AL (Bersambung)

Saudara-saudara baru diseru dalam ajaran Islam

TEMBURONG. — Saudara-saudara baru, khususnya di daerah ini telah di seru supaya mendalami ajaran-ajaran Islam kerana itulah tujuan utama kita (umat Islam) yang menjadi penganutnya.

"Semoga lafaz 'La ilaha illallah' yang tuan-tuan lafazkan dari hati yang tulus ikhlas itu tidak sia-sia, bahkan manjadi semangat pendorong kepada tuan-tuan untuk menempah kejayaan hidup di bawah lindungan Illahi baik di dunia mahupun di akhirat," demikian seruan dan ingatan Kadi Daerah Temburong, Awang Haji Lamit bin Haji Ibrahim semasa merasmikan Mesyuarat Agung Badan Kebajikan Saudara-Saudara Baru Kali Ke-2 bertempat di Dewan Majlis Utama Mohammad Salleh baru-baru ini.

Berhubung dengan badan tersebut, Awang Haji Lamit berharap supaya ianya akan memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan semangat keIslaman di kalangan saudara-saudara baru di samping menyebarkan aktiviti-aktiviti dakwah Islamiyah di daerah ini.

"Saya berharap dengan adanya badan ini juga ianya akan dapat memelihara kesempurnaan beragama di kalangan saudara-saudara baru kita dengan jalan memajukan fikiran dan tenaga yang lurus dengan berdasarkan garis-garis dan ajaran-ajaran Al-Quran," kata Awang Haji Lamit seterusnya.

Mesyuarat pada hari itu telah melantik Pegawai Daerah sebagai Penolong sementara Kadi Daerah Temburong menjadi Penasihat. Jawatan Yang Dipertua disandang oleh Mohd. Hashim bin Abdullah, Naib Yang Dipertua pula ialah Awang Salleh bin Abdullah.

Awang Mohd. Noor-ariffin bin Abdullah telah di lantik sebagai Pengerusi Tetap sementara Setiausaha Agung dipegang oleh Haji Ahmad bin Abdullah. Naib Setiausaha Agung disandang oleh Awang Shamsuddin bin Abdullah. Manakala jawatan Bendahari disandang oleh Awang Alias bin Abdullah. Dua orang telah di lantik sebagai pemeriksa kira-kira. Iaitu Awang Ibrahim bin Abdullah dan Hajjah Zainab binte Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujuan utama penubuhan Majlis Tempatan bagi Masjid-masjid ialah untuk menyamakan kedudukannya dengan Majlis-majlis Tempatan lain bagi masjid-masjid di seluruh benua Asia Pasifik, di samping untuk mengembalikan fungsi dan keagungan masjid sebagaimana yang pernah wujud di zaman Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabat Baginda.

Ini telah dijelaskan oleh TYT Sayid Ali Muhammad Mokhtar, Timbalan Setiausaha Agung Majlis Tertinggi Bagi Masjid-Masjid Sedunia dalam ucapan perasmian beliau bagi Majlis Tempatan Masjid-Masjid Negeri Brunei di satu majlis yang berlangsung di Masjid Omar Ali Saifuddin pada 1hb. April lepas.

TYT itu telah juga menggariskan beberapa perkara tujuan pokok dari penubuhan Majlis Tertinggi Bagi Majlis-Majlis Sedunia, Majlis Benua dan Majlis Tempatan yang kini sebahagiannya sudah berjalan lancar sementara yang lainnya sedang rancang diatur untuk pelaksanaannya.

Walaupun kita menyedari di zaman ilmu pengetahuan ini kita masing-masing sentiasa sibuk dengan urusan tidak mungkin berupaya untuk melaksanakan semua fungsi masjid sebagaimana yang disebutkan itu secara segera dan langsung. "Tetapi betapapun, memang disedari pentingnya masjid dijadikan tempat bagi menggerakkan semua perkara itu

TUJUAN MAJLIS MASJID DITUBU

iaitu bidang siasah, ketenteraan, pendidikan, pemikiran dan lain-lain lagi," tegas TYT itu lagi.

Terdahulu sebelum itu TYT Sayid Ali Muhammad Mokhtar menyatakan rasa gembiranya kerana dapat bersama-sama umat Islam di negara Brunei yang sedang membangun ini.

TYT Sayid Ali Muhammad Mokhtar adalah selaku wakil TYT Syekh Muhammad Ali Al-Harakan, Setiausaha Agung Rabitah Alam Islam dan Majlis Tertinggi Bagi Masjid-Masjid Sedunia untuk merasmikan Majlis Tempatan Bagi Masjid-Masjid Negeri Brunei.

TYT Sayid Ali Muhammad Mokhtar dan rombongan dalam rangka lawatan selama empat hari ke negeri ini telah juga sempat mengikuti persidangan pertama Majlis



TYT Sayid Ali Muhammad Mokhtar

Tempatan bagi Masjid-Masjid Negeri Brunei yang berlangsung di Bilik Persidangan Majlis Agama Islam pada hari Sabtu 2hb. April.

Dalam kesempatan itu juga TYT telah menyampaikan sekeping cek yang

bernilai separuh dollar Amerika bangan dari Am Majlis Masjid-Masjid sebagai tambahan wangian kepada Tempatan Bagi Masjid Negeri Brunei baru saja diras

Daerah Belait pilih wakil

KUALA BELAIT. — Tiga orang qari dan tiga orang qariah telah dipilih untuk mewakili Daerah Belait ke pertandingan Membaca Al-Quran peringkat separuh akhir negeri.

Mereka ialah Awang Roslan bin Adnan dari

Persatuan Gerakan Masyarakat Pemuda Pemudi, Kuala Belait, Awang Ibrahim bin Haji Kamis, dari Persatuan Ikatan Belia Pandan, Kuala Belait dan Ak Zulkifli bin Pg Salleh dari Persatuan Gabungan Belia Liang Lumut.

Dayang Anwar Chapar dan Kebajikan Belait, Dyang Haji Mohd. Haji Persatuan PEX Dayang Siti Dollah dari Belia PEMBERA.

'KESEDARAN' MODAL PALING BERHARGA

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa yang diperintahkan-Nya dan menjauhi segala apa yang dilarang-Nya.

Sebuah modal yang paling berharga di dalam hidup kita ialah modal kesedaran. Kerana itulah Allah mengingatkan dalam Quran, tafsiran-Nya: "Dan berilah peringatan agar orang-orang yang diberi peringatan itu takut dan sentiasa sedar, sesungguhnya peringatan itu besar manfaatnya kepada orang-orang yang bertaqwa."

LUPA DAN LALAI

Kita makhluk manusia yang mudah lupa dan lalai. Makhluk yang mudah terdorong kepada dosa, dan sebaliknya lambat bergegas kepada pahala. Kerana itu adalah tidak wajar untuk melihat orang-orang di muka bumi berlaku di mana-mana. Sana-sini dengan mudah sahaja kita mendapati kejahatan, maksiat dan dosa dilakukan oleh manusia, termasuk oleh orang-orang Islam sendiri. Mereka tidak segan silu

menceroboh kehormatan Islam, dengan perkataan dan perbuatan mereka. Mereka mengkritik hukum-hukum Allah dan bahkan melanggarnya dengan tidak mahu mematuhi. Dan yang lebih malang lagi ada yang mengajak dan cuba membawa orang lain supaya sama-sama terjun ke dalam jurang kederhakaan itu. Inilah yang dinamakan dengan "dakwah syaitan" yang mahu menjerumuskan manusia ke dalam kemurkaan Allah azza wajalla.

BEKALAN TAKWA

Maka beringat-ingatlah wahai kaum muslimin, ingatlah dunia kita ini sudah sangat tua, sebagaimana yang ditunjukkan di dalam peristiwa Israk dan Mekraj Nabi s.a.w. Lengkapkan diri dengan bekal takwa. Kita hidup di dunia ini bukan percuma, seperti sangkaan setengah orang dan orang-orang komunis, mereka menyangka hidup ini hanya habis setelah di dunia sahaja. Kerana itulah mereka gunakan peluang hidup ini untuk mencari dan memburu kelazatan walaupun dengan apa cara, dengan cara baik atau jahat, halal atau haram, tidak kira asal dapat. Inilah sikap orang yang sesat yang tidak mengerti tentang pentadbiran Allah.

Di dalam Al-Quran ada disebut, bahawa salah satu



pentadbiran Allah itu ialah menjadikan manusia. Dan manusia yang dijadikan itu pula bukan untuk main-main. Segala pentadbiran dan perbuatan Allah tidak ada yang sia-sia, semuanya ada rahsia dan mengandung hikmat. Kehidupan ini hanya dipinjamkan buat sementara untuk menguji dan memberi peluang sejauh mana manusia akan menggunakan peluang-peluang hidup itu untuk berbakti kepada Allah. Firman-Nya, tafsirannya: "Dan tidaklah Aku jadikan makhluk jin dan manusia itu melainkan hanya untuk menyembah Aku."

BUAT BAKTI

Menyembah Allah itu dalam makna berbuat bakti dan takwa kepada-Nya dengan mengerjakan segala apa yang suruhan-Nya dan menjauhi segala apa-apa yang dilarang dan ditegah. Kerana itu, jangan dianggap hidup ini percuma, bahkan persoalan-persoalannya akan datang lagi

kemudian dihadapan Allah.

Cuba perhatikan lagi satu ayat Quran Surah Al-Mukminun ayat 115 yang tafsirannya lebih kurang: "Adakah kamu menyangka bahawa Kami menciptakan kamu itu untuk main-main, dan adakah juga kamu menyangka bahawa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?"

SEDIA BEKALAN

Begitulah wahai kaum Muslimin, kita ini tidak akan selesai di dunia ini sahaja. Persoalan kita akan berbangkit lagi kemudian dihadapan Allah. Oleh itu marilah kita bersiap-siap dengan menyediakan bekal-bekalan dan persediaan dengan amal takwa yang dituntut oleh Allah ke atas kita. Itulah sahaja modal yang akan kita unjuk yang boleh menyelamatkan kita, keselamatan yang kekal abadi, yang tidak akan berakhir buat selama-lamanya.

MALU: PENGHALANG KEJAHATAN

Susunan:

Md. Ali b. Sabtu

Bingkisan minggu ini

PERKARA-PERKARA yang kurang baik dipandang, apatah lagi untuk diamalkan, sama ada dalam bentuk kelakuan, pergaulan dan pakaian nampaknya sudah terlalu melampaui batas yang kini melanda umat Islam khususnya masyarakat Melayu yang dahulunya terkenal sebagai satu bangsa yang penuh sopan-santun dan budibahasa yang tinggi.

Keadaan ini semakin berkembang dengan berbagai fesyen dan ragam yang keterlaluan yang mengikatkan ramai muda mudi Islam terpesona dan terpengaruh lantas terikut-ikut dengan 'trend-trend' baru yang mencemarkan kesucian agama Islam dan tatasusila ketimuran. Sehingga ada di antaranya yang tergamak memakai pakaian yang mendedahkan aurat di sana sini terutamanya di kalangan gadis-gadis kita.

Punca utama berlakunya kejadian-kejadian seperti ini ialah hilangnya sifat malu dan tiada pegangan terhadap identiti sendiri.

Jika sifat malu sudah hilang manusia sanggup melakukan apa saja yang disukainya tanpa menghiraukan batas-batas moral yang telah ditentukan oleh agama. Lantaran itu akhirnya membawa kepada gejala-gejala keruntuhan moral dan akhlak yang tanpa segan-silu melakukan kemungkaran yang bukan saja membawa hilangnya harga diri bahkan hidup bergelumang dengan dosa.

Dalam sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Abi Aqabah Ibnu Umar Al-Ansari, Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang kira-kira maksudnya: "Bahawasanya setengah yang didapati manusia dari perkataan Nabi yang dahulu ialah apabila engkau tidak malu, maka kerjakanlah apa yang engkau kehendaki."

Dari Hadis tersebut dapatlah kita gambarkan bahawa manusia yang tidak punya sifat malu itu bersedia melakukan sesuatu mengikut dorongan hawa nafsunya tanpa memperhitungkan hukum-hukum dan peraturan Allah s.w.t. Kesimpulannya manusia yang hilang sifat malu itu akan hilang juga sifat-sifat kemanusiaannya maka samalah ia dengan haiwan.

Malu itu dapatlah disifatkan sebagai perasaan yang mendesak seseorang itu menghindarkan diri dari melakukan perkara-perkara keji menurut pandangan Islam. Malu itu pula terbahagi kepada beberapa bahagian, antaranya ialah:-

- * Malu kepada diri sendiri — Seseorang tidak akan melakukan kejahatan, kecurangan dan pelanggaran hukum, malah ianya sentiasa menjaga maruah dan kehormatan diri walaupun ketika bersendirian.
- * Malu kepada sesama manusia — Tidak sekali-kali akan melakukan perkara-perkara yang kejahatan dan kurang sopan.
- * Malu kepada Allah — Tidak akan sekali-kali melakukan penderhakaan kepada Allah dan tidak pula melalaikan tanggungjawab serta kewajipan kepada Allah.

Sabda Rasulullah s.a.w yang kira-kira bermaksud: "Bahawa apabila Allah menghendaki kebinasaan pada seseorang hamba maka dicabut malu daripadanya." Malu adalah sebahagian daripada iman, orang yang mempunyai sifat malu akan sentiasa patuh kepada perintah Allah dan menahan diri dari melakukan larangan-larangan Allah.

Jelaslah kepada kita betapa pentingnya sifat malu itu, dengannya kita dapat memelihara maruah kita, masyarakat dan agama.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 13hb April, 1983 hingga ke hari Selasa 19hb April, 1983 adalah seperti di bawah ini:

Hari	Zuhur	Asar	Magrib	Isyak	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
13hb April	12.27	3.42	6.32	7.44	4.45	4.59	6.14
14hb April	12.27	3.42	6.32	7.44	4.45	4.59	6.14
15hb April	12.27	3.42	6.32	7.44	4.45	4.59	6.14
16hb April	12.26	3.41	6.31	7.43	4.44	4.58	6.12
17hb April	12.26	3.41	6.31	7.43	4.44	4.58	6.12
18hb April	12.26	3.41	6.31	7.43	4.44	4.58	6.12
19hb April	12.26	3.41	6.31	7.43	4.44	4.58	6.12

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei di mulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Pertandingan Quran Jabatan Laut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan membaca Al-Quran di beberapa buah jabatan kerajaan yang berpakaian seragam kini sedang berjalan lancar, pertandingan tersebut adalah untuk memilih wakil jabatan-jabatan yang berkenaan ke pertandingan kemuncak bagi Jabatan-jabatan Kerajaan Yang Berpakaian Seragam yang akan diadakan tidak berapa lama lagi.

Jabatan Laut akan mengadakan pertandingan

tersebut malam esok bertempat di Bilik Taklimat, Jabatan Kastam Diraja Brunei mulai jam 7.00 malam. Seramai enam orang peserta dijangka menyertai pertandingan tersebut dan dua darinya akan dipilih untuk mewakili jabatan itu.

Seorang Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Setiausaha Kerajaan Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dijangka akan hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu.

LAWATAN P'WAKILAN RABITAH AL-ALAM AL-ISLAM

Liputan: Timbang Bakar — Gambar: Hj. Sharbini Taha, Ak Abu Bakar, Pg. Yaakub PMHH dan Ak Bahar PHO

Dalam kesibukan mengatur berbagai rancangan sebagai persiapan menghadapi sambutan hari kemerdekaan yang hanya tinggal kira-kira tujuh bulan saja lagi, nampaknya semakin ramai pembesar-pembesar atau pemimpin-pemimpin dari negara-negara

dan lain-lain pertubuhan dunia berkunjung ke negara kita.

Pada hari Selasa akhir Mac lepas, tiga orang perwakilan dari Rabitah Al-Alam Al-Islam yang beribu pejabat di Mekah Al-Mukaramah di ketuai oleh TYT Sayid Ali

Muhammad Mokhtar, Timbalan Setiausaha Agung Majlis Tertinggi Bagi Masjid-Masjid Sedunia, dan TYT Sheikh Muhammad Nasir Al-Boudi, Setiausaha Agung Suruhanjaya Tinggi Perkembangan Islam (Dakwah) serta TYT Sheikh Ahmad Al-Mubarak, Pegawai Kementerian Luar Kerajaan Arab Saudi, telah mengadakan lawatan tiga hari.

Sepanjang lawatan yang berkemuncak dengan aturcara perasmian Majlis Tempatan Bagi Masjid-Masjid Negeri Brunei yang baru ditubuh telah berlangsung di Masjid Omar Ali Saifuddin di mana TYT Sayid Ali Muhammad Mokhtar telah diberi penghormatan untuk menyempurnakan perasmian tersebut sebelum menunaikan sembahyang fardu Jumaat.

Pada hari pertama ketibaan rombongan tersebut di sebelah petangnya mereka telah mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di Istana Darul Hana.

Kunjungan kepada YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa di pejabat beliau. Setelah itu rombongan membuat kunjungan pula kepada YAB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz, Pemangku Menteri Besar.

Pada hari Sabtu, 2hb April menghadiri majlis per-



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan mengadap TYT Sayid Ali Muhammad Mokhtar dan rombongan di Istana Darul Hana.

sidangan yang pertama Majlis Tempatan Bagi Masjid-Masjid Negeri Brunei di Bilik Persidangan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sekali lagi TYT Sayid Ali Muhammad Mokhtar diberi penghormatan untuk membuka rasmi persidangan sulung majlis tersebut. penyampaian cenderamata kepada ahli-ahli rombongan oleh YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain selaku Pengerusi Majlis Tempatan Bagi Masjid-Masjid Negeri Brunei.

Sementara TYT Sayid Ali Muhammad Mokhtar pula

telah menyampaikan sekeping cek bernilai sepuluh ribu ringgit Amerika sumbangan dari Sekretariat Am Majlis Tertinggi Masjid-Masjid Sedunia kepada Pengerusi Majlis Tempatan Masjid-Masjid Negeri Brunei kepada YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.

Di sebelah petangnya rombongan itu telah mengadakan lawatan ke Sekolah Agama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Jalan Tutong dan Ke Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah

Hayatul Bolkiyah Serusop kira-kira dari Bandar Seri

Menurut TYT Muhammad Mokhtar, rombongan wakil itu telah selaku wakil dari Syekh Muhammad Harakan, Setiausaha Rabitah Al-Alam Al-Islam dan Majlis Tempatan Masjid-Masjid Negeri Brunei.

Rombongan telah meninggalkan negeri April.



BERANGKAT sama di majlis mengadap itu ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, dan tidak kelihatan dalam gambar YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiyah.



PENYAMPAIAN cenderamata kepada ahli-ahli rombongan oleh YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.



AHLI-AHLI rombongan ketika diraikan oleh YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Penasihat Umum Kebawah DYMM.



ROMBONGAN pelawat bergambar ramai dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Tempatan Masjid-Masjid Negeri Brunei.

BEKALAN TIDAK MENCUKUPI BOLEH NAIKKAN HARGA IKAN

Oleh: Aisah Piee

PENGARAH Unit Perancang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie berkata, pembekalan yang tidak mencukupi adalah sebab utama kenaikan harga ikan. Meningkatkan penghasilan ikan merupakan hanya cara yang efektif dan berkesan bagi harga yang stabil dan memuaskan.

Katanya, walaupun terdapat pertambahan hasil ikan, namun ia masih belum dapat memenuhi keperluan penduduk negeri ini yang semakin bertambah, memandangkan perhatian yang ditumpukan kepada penggunaan bahan ini.

Dalam kajian perbelanjaan keluarga yang dibuat dalam tahun 1977, lapen peratus dari 45 peratus jumlah perbelanjaan keluarga yang ditumpukan kepada makanan adalah berhubung dengan ikan, berbanding dengan hanya lima peratus bagi daging, empat peratus sayuran dan dua peratus buah-buahan.

Menjelaskan ketika berucap merasmikan Kursus Ilmu Pelayaran dan Teknologi Menangkap Ikan dan Pemeliharaan In-

jin Motor Sangkut di Stesen Perikanan di sini Sabtu, 2hb. April lalu, Datin Hajjah Jusnani memberitahu, "Cara menangkap ikan dengan pukat tunda adalah satu cara yang akan dapat menggandakan hasil penangkapan ikan di negeri ini."

Bagaimanapun, tambahannya, pengalaman dari negeri-negeri lain haruslah dipelajari dalam penggunaan pukat tunda, serta kawalan yang rapi dan perancangan yang teliti adalah amat perlu supaya sumber-sumber laut digunakan sebaik-baiknya.

"Ke arah ini usaha Jabatan Perikanan dalam mengadakan latihan-latihan, kawalan, perancangan dan pengkajian serta penelitian adalah sangat-sangat dialu-alukan," jelasnya lagi.

Apa yang membimbangkan pembekalan ini, tambahannya lagi, ialah bilangan nelayan yang semakin berkurangan, di mana banci tahun 1981 menunjukkan hanya 428 orang saja berbanding dengan 696 orang dalam

banci tahun 1971, menjadikan perusahaan perikanan sebagai sumber utama kehidupan.

"Oleh itu adalah diharapkan dengan adanya teknik-teknik baru penangkapan ikan dengan banyak menggunakan mesin dan alat elektronik ini kelak akan dapat menarik anak-anak muda dalam bidang penangkapan ikan," katanya.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyediakan peruntukan sembilan juta bagi menyediakan kemudahan dalam sektor perikanan dalam Rancangan Kemajuan Negara Keempat, dan melalui Jabatan Perikanan ianya akan sentiasa memberi galakan dan pimpinan serta bantuan bagi menggalakkan nelayan memajukan usaha dan kegiatan mereka.

Pemangku Pengarah Perikanan, Awang Matdanan bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa jabatannya telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki keadaan pembekalan, bagaimana-



DATIN Hajjah Jusnani, Pemangku Pengarah Perikanan, Awang Matdanan dan pegawai Jabatan Perikanan ketika menyaksikan penangkapan yang dihasilkan melalui tangkapan da.

pun ini telah menemui masalah yang memerlukan pertimbangan.

Antara masalah yang terpenting itu, katanya, ialah ketiadaan maklumat mengenai banyaknya sumber ikan, keadaan laut yang konflik yang terdapat dalamnya struktur paip minyak, kawasan penangkapan ikan dan sumber yang kecil dan bilangan nelayan tempatan yang berkurangan.

"Salah satu dari langkah yang sudah diambil untuk memajukan perusahaan perikanan ini, ialah menilai sumber ikan di dasar laut supaya membolehkan Jabatan

Perikanan melaksanakan rancangan pengembangan sumber tersebut," kata Awang Matdanan.

Kursus Ilmu Pelayaran dan Teknologi Menangkap Ikan dan Pemeliharaan Injin Motor Sangkut dianjurkan oleh Jabatan Perikanan dan merupakan salah satu dan tindakan yang diambil sebelum lesen pukat tunda dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya. Jabatan tersebut hanya akan mengeluarkan lima saja lesen pukat tunda.

Kursus selama dua bulan bagi lima orang peserta, di mana objektif-

nya ialah untuk bakal-bakal kapal-kapal supaya dapat kapal mereka cekapnya, bagi kan dari berlakunya struktur dan minyak di dasar

Sementara itu, Pemeliharaan Injin Motor Sangkut pula telah diil orang peserta tujuan memelihara kakitangan jahat kemudiannya mengendalikan bagi nelayan. Berakhir pada April itu dikenali seorang juru Yamaha.

BATANI diharap jadi penggerak kemajuan sosio ekonomi negara

SINAUT. — BATANI diharapkan menjadi indong dan penggerak utama pada menyemai sikap yang membina dan akan dapat memikul tanggungjawab bagi memastikan masa depan bangsa dan negara di bidang pertanian akan menjadi penggerak kemajuan sosio ekonomi negara.

Menyuarakan harapan ini ketika berucap merasmikan Mesyuarat BATANI 1983 di Pusat Latihan Pertanian di sini pada hari Ahad 3hb. April, Pemangku Pengarah Radio dan Televisyen, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani berkata, bahawa Kerajaan melalui Jabatan Pertanian dengan gigihnya telah berusaha memperbaiki perkembangan di bidang ini.

Projek-projek yang dilancarkan selama ini, tambahannya, telah memperlihatkan penghasilan. Ini termasuk projek padi di Luahan, ladang ternakan lembu di Kampung Tengku yang sedikit sebanyak mengurangkan pergantungan negara kepada pengimporan bahan ini dari luar negeri, projek Peladang Muda dan peningkatan mutu akademik Pusat Latihan Pertanian.

"Untuk dapat memenuhi segala kemudahan dan berbagai bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan melalui Jabatan

Pertanian adalah suatu perkara yang tidak keterlaluan jika orang ramai di negeri ini terus berbakti kepada tanah dengan mengambil inisiatif menceburkan diri di bidang kerjaya bertani dengan harapan segala hasil pertanian para petani itu nanti akan dapat memenuhi keperluan masyarakat kita sepanjang masa," jelas Pengiran Badaruddin.

Bagaimanapun, menurutnya lagi, para petani harus menyadari bahawa kekurangan pembangunan ekonomi pertanian di rantau ini sebahagian besarnya berpunca dari penggunaan teknologi tradisi, benih tanaman yang bermutu rendah dan kurang hasil, infrastruktur tidak lengkap, gunatnaga tidak penuh, sistem pinjaman yang memeras kaum tani dan wujudnya faktor budaya yang negatif.

Yang demikian, katanya, pihak berkenaan negara-negara sedang membangun berusaha melancarkan dasar pembangunan ekonomi desa dengan cara memperkenalkan pertanian moden, seperti penggunaan jentera, mewujudkan pengurusan yang cekap, memperkenalkan benih yang tinggi mutu dan hasil, membuka tanah pertanian baru, mengadakan infrastruktur yang sempurna dan sistem pinjaman

yang memuaskan sikap nilai yang faktor pembangunan.

"Pentingnya dalam sektor pertanian dinantikan bagi pertanian negara belakang kepada pir di semua negara Afrika yang negara-negara itu ujar Pengiran Badaruddin.

Katanya, mengeluarkan yang menjadi asas, ekonomi mengeluarkan yang diproses di diekspot seperti kayu.

Koleksi di Kel...

BANDAR WAN. — Jabatan Perubatan dan telah dimaklumkan bahawa tiga telah distrik kawasan wahat Daerah Tanah Merah Kota Bahru.

Penuntut MPSHB tinjau Bahagian Penerangan

SERAMAI 20 orang ahli-ahli Kelab Linguistik dan Kelab Sains Maktab Perguruan Sultan Hassanali Bolkihah, Gadong, telah mengadakan lawatan ke Bahagian Penerangan, SUK, pada hari Rabu lepas.

Rombongan tersebut telah di ketuai oleh Cikgu Ismail bin Ibrahim dan disertai oleh lima orang pensyarah yang lain. Antara bahagian-bahagian yang dilawati termasuklah bahagian Unit Akhbar, Unit Penggambaran (gambar kanan) dan ke beberapa bahagian yang lain.

Sebelum itu, mereka telah mendengar penerangan ringkas mengenai struktur pentadbiran dan tugas-tugas Bahagian Penerangan yang telah disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Bahagian Unit Khas/Taklimat, Awg. Momin bin Ahmad. — RAR.



PERUBAHAN TEMPOH BAHARUI LESEN CUKAI JALAN

Oleh: Aisah Piee

Kenderaan dikumpulkan dalam tiga kumpulan



Awang Haji Ahmad

AN GADONG. —
Pengkangkutan
telah mengadakan
perubahan tempoh lesen
cukai jalan dan tempoh
pemeriksaan bagi
kenderaan dan
beroda mulai hari
ini.

Perubahan itu meng-
kenderaan-
dikumpulkan
tiga kumpulan, per-
kumpulan kereta
umum, kedua
kereta perniagaan
dan ketiga kum-
kenderaan kegu-
khas sebagai jentera
yang tidak mem-
muatan.

Pemangku Pengawal
Pengkangkutan Darat,
Awang Haji Ahmad bin
Haji Ibrahim, dalam satu
perubahan ini men-
perubahan itu
semua
dan jentera
ada ada ia berupa
atau teks yang baru
yang sebelum ini
kenderaan setiap enam
bulan, dilesenkan setiap
tahun mulai 1hb.
1983.

Berkursus di Australia

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Kerajaan
Duli Yang Maha
Majlis telah menghantar
Pegawai Pentadbir
Perkhidmatan
bagi mengikuti
Latihan Dalam
Perkhidmatan di
Hal-Ehwal
Australia.

Awang Haji Ahmad
bin Haji Mohd.
telah bertolak ke
Australia pada
1983 lepas dan
sana
tiga bulan.

Tempoh lesen cukai
jalan bagi kereta kegunaan
umum dari kumpulan per-
tama seperti kereta biasa,
motosikal, stesen wagon
dan kereta-dua-guna yang
berupa landrover, trooper,
jeep dan petrol, masih
dikekalkan setiap satu
tahun.

Bagaimanapun, tempoh
pemeriksaan bagi
kenderaan kumpulan ini
yang didaftarkan atas
nama sendirian dan
Jabatan Kerajaan ditam-
bah satu tahun lagi.

Awang Haji Ahmad
menjelaskan, pemeriksaan
kereta bagi tujuan pem-
baharuan lesen cukai jalan
hanya akan dibuat bagi
kenderaan yang berumur
tujuh tahun ke atas.

Pemeriksaan tidak perlu
bagi kenderaan yang
berumur satu hingga enam
tahun. Manakala,
kenderaan yang didaf-
tarkan atas nama selain
dari nama sendirian dan
Jabatan Kerajaan akan
diperiksa jika berumur tiga
tahun ke atas.

Dalam Surat Kelilingnya
jabatan itu juga
menyatakan bahawa tem-
poh lesen cukai jalan bagi
kereta sewa pandu sendiri
dikeluarkan setiap satu
tahun dan diperiksa jika
berumur tiga tahun ke
atas.

Ianya juga meng-
gariskan perubahan besar
mengenai kereta pick-up,
van dan wagon serta
kenderaan yang berat
semua tidak lebih 8,000
paun, yang mana

dilesenkan setiap satu
tahun sehingga usianya
dua tahun, dan selepas itu
dilesenkan setiap enam
bulan dan diperiksa setiap
kali melesen.

Perubahan besar juga
berlaku bagi jentera-
jentera beroda, seperti trak
crane, pemuat beroda,
pemuat jengkaut, peng-
gelek jalan, pelapis jalan,
traktor, trailer dan perata
jalan.

Katanya, "Pada masa
ini jentera beroda berdaf-
tar yang diberi permit atas
nama syarikat atau Kera-
jaan, dilesen enam bulan
sekali. Perubahannya
sekarang dilesen setahun
sekali dalam usianya satu
hingga enam tahun. Dan
selepas itu, dilesen setiap
enam bulan dan periksa
setiap kali melesen."

Menyentuh mengenai
mengapa perubahan itu
dibuat, Pemangku
Pengawal Pengangkutan
Darat itu berkata, ianya
bertujuan semata-mata
untuk mencari jalan pada
memberikan perkhid-
matan yang lebih baik dan
cekap kepada orang
ramai, terutama pemilik-
pemilik kenderaan. Apa
yang benar-benar ingin
dilakukan ialah mengurangkan bilangan
kenderaan yang ada di
kawasan jabatan itu.

"Seperti yang diketahui,
kawasan di pejabat ini di
Jalan Gadong dan Kuala
Belait, kelihatan sempit
dan terhad. Sempit di segi
kawasan pejabatnya,
kawasan penaruhan kereta
dan kawasan

pemeriksaan," jelasnya.

Dengan perubahan-
perubahan itu, adalah di
harapkan dapat mengurangkan bilangan
pemilik kenderaan yang
datang bagi tujuan pem-
baharuan lesen cukai
jalan, serta bilangan
kenderaan untuk pemerik-
saan.

"Apa yang ketara pada
masa ini ialah pemilik-

pemilik kereta kurang
faham bila kereta mereka
perlu dibawa untuk
diperiksa. Ada yang
datang membawa
keretanya setiap kali ia
membaharui lesen cukai
jalan. Sebenarnya,
sebelum ini kereta hanya
diperiksa kalau usianya
enam tahun ke atas,"
beliau menerangkan.

Yang demikian,
katanya, pemilik

kenderaan hanya perlu
menyampaikan kad pen-
daftar serta keterangan
insuran, tanpa membawa
kenderaan mereka.

Awang Haji Ahmad
menambah, "Bagai-
manapun, Pegawai
Melesen berhak memang-
gil pemilik-pemilik
kenderaan yang kelihatannya
tidak layak atau mem-
punyai ubah-suai yang
tidak layak."

Mesyuarat Agung PGGMB

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Persekutuan
Guru-Guru Melayu Brunei
akan mengadakan
Mesyuarat Agung Per-
wakilan PGGMB kali yang
ke XXXIII/1982-83 pada
15hb. April dan 17hb.
April, 1983.

Di antara aturcara pada
hari Jumaat, 15hb. April
jam 8.00 pagi bertempat di
Dewan Jubli Perak Maktab
Perguruan Sultan
Hassanal Bolkiah, Gadong
ialah ucapan dan peras-
mian oleh tetamu kehormat,
pengisytiharan
Tokoh PGGMB bagi
julang-julang kali serta
penyampaian hadiah-
hadiah pelajaran 1982.

Sementara pada 17hb.
April, 1983, hari Ahad
jam 8.30 pagi bertempat di
Dewan PGGMB adalah
bagi mengadakan
mesyuarat yang juga
diakhiri dengan
pengisytiharan Anggota
Jawatankuasa Tertinggi
bagi tahun 1983-86.

Oleh itu kesemua ahli-
ahli PGGMB adalah
dikehendaki hadir

Ketetapan harga barang2 keperluan harian

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang
keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih
sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait
dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-
harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 6hb. April,
1983.

BANDAR SERI BEGAWAN

- UDANG KERING: \$8.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
 - Syarikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Pemancha.
 - Chee Guan, No. 4, Jalan Mc Arthur.
 - Hen Long, No. 31, Jalan Sultan.
 - Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.
- LADA KERING: \$3.20 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
 - Sharikat Hj. Abd Rahman, No. 94, Jalan Pemancha.
- BAWANG MERAH: \$1.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
 - Syarikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Pemancha.

KUALA BELAIT

- UDANG KERING: \$10.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
 - Chop Kim Ming, Bangunan Foo Chow, Jalan Bunga Rambai.
- LADA KERING: \$3.60 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
 - Ng Ming Hong, No. E, Chinese Chamber of Commerce.
 - Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
 - Chin Fatt, No. 60B, Jalan Pretty.
 - Ng. Ming Hong, No. 101, Jalan Mckerron.
- BAWANG MERAH: \$1.60 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
 - Teo Hiang Hng, No. 45, Jalan Pretty.

SERIA

- UDANG KERING: \$9.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
 - Foo Hap Seng, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
- LADA KERING: \$3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
 - Yuan Ho Hing, No. 48B, Jalan Bunga Kuning.
- BAWANG MERAH: \$1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
 - Choo Heng & Company, Jalan Sultan Omar Ali.

Penubuhan Persatuan Sejarah Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu
majlis perjumpaan untuk membincang
kan penubuhan Persatuan Sejarah
Brunei akan diadakan di bilik kuliah
Dewan Peringatan Churchill di sini pada
hari Ahad, 24hb. April, mulai jam 8.30
pagi.

Antara agenda yang akan dibin-
cangkan dalam perjumpaan tersebut
ialah melantik ahli-ahli jawatankuasa
sementara persatuan dan membincang
rangka undang-undang Persa-
tuan Sejarah Brunei.

YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja
Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji
Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat

Sejarah Brunei, dijangka akan menyam-
paikan sedikit ucapan dan kata-kata
nasihat.

Perjumpaan yang dianjurkan oleh Per-
satuan Sejarah Brunei itu bertujuan un-
tuk menyatupadukan para pensyarah,
guru, penuntut dan penyelidik Sejarah
Brunei bagi penyaluran dan pengkajian
sejarah mengikut aspirasi negara Brunei
sendiri.

Seorang jurucakap dari Persatuan Se-
jarah Brunei berharap agar semua yang
berminat dalam pengkajian sejarah baik
dari kalangan pensyarah, guru, penuntut
dan penyelidik akan dapat hadir untuk
dapat bertukar fikiran bagi mencapai
kata muafakat.



orang pegawai menjalankan pemeriksaan ke atas sebuah lori sebelum pendaftaran diluluskan

DS: Apakah peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam melaksanakan perkembangan bahasa, sastera dan budaya di Brunei?

Pg. Badaruddin: Sebenarnya jabatan ini telah diberi tanggungjawab yang penuh sebagai pusat pembinaan, pengembangan bahasa, dan sastera juga pembinaan, pengembangan dan penggalakan kebudayaan.

Dalam hubungan ini, dalam urusan pengembangan dan pembinaan bahasa, jabatan ini telah diamanahkan untuk melaksanakan isi kandungan dan semangat Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei 1959 Bab 82 (A) Ceraian 1 yang mengkanunkan Bahasa Melayu itu sebagai Bahasa Rasmi.

Dalam hal ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah mencapai satu tahap, dalam mana isu bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi tidak lagi timbul sekarang kerana ia telahpun selesai dan telah dilaksanakan dengan sempurna sebagai bahasa rasmi.

Mungkin yang tinggal ialah pada mengemaskinikan lagi isu bahasa itu supaya ia akan menjadi bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan di negeri ini dan ianya juga akan diberi taraf ekonomi dalam mana lepasan sekolah-sekolah Melayu yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar atau mana-mana sekolah nanti yang menggunakan sistem pendidikan kebangsaan dengan perantaraan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama diberikan taraf kedudukan di dalam jawatan jabatan kerajaan yang sesuai dan setaraf dengan lepasan daripada sekolah dengan bahasa pengantar yang lain.

Dalam hubungan ini kita juga ingin melihat bahawa penggunaan secara rapus Bahasa Melayu dalam sistem pentadbiran kita sehari-hari akan dapat diperluaskan, malah akan dapat menggantikan sedikit demi sedikit penggunaan bahasa Inggeris jika sekiranya bahasa tersebut tidak dapat digantikan seratus peratus, tetapi usaha-usaha hendaklah dilaksanakan sekarang untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran negara dalam semua bidang.

Sayugia pula diketahui kedudukan Brunei terletak di tengah nusantara maka Brunei tidak dapat memisahkan dirinya dari terlibat dalam perkembangan bahasa semasa di rantau ini. Jadi dalam hal ini Dewan Bahasa dan Pustaka perlu pula meluaskan pandangan dan aktiviti-aktiviti kebahasaannya pemerhati supaya dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan rakan-rakan yang lain di Indonesia dan Malaysia yang juga berperanan sebagai pusat pembinaan dan pengembangan bahasa.

Dalam kaitan ini Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang bahasa telah dapat merapatkan dirinya sebab kedua negara jiran itu telah membukakan pintu untuk kemasukan Brunei dalam Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia dan telah menjemput Brunei

DIALOG ini disiarkan ketika Pg. Badaruddin bin Pg. Ghani masih memegang jawatan sebagai Pengarah DBP — Sidang Pengarang.

PERANANNYA SEBAGAI PUSAT PEMBINAAN, PENGEMBANGAN BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

Dewan Bahasa dan Pustaka telah mencapai satu tahap, dalam mana isu bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi tidak lagi timbul sekarang kerana ia telahpun selesai dan telah dilaksanakan dengan sempurna sebagai bahasa rasmi.

sebagai pemerhati dalam persidangan-persidangan bahasanya yang lalu.

Semoga ini akan diluaskan lagi dengan menerima Brunei dengan baik dari segi sumbangan kebahasaan, sebab meskipun Brunei negara kecil tapi masih boleh memberikan sumbangan yang berharga yang mungkin barangkali tidak terdapat dalam bahasa yang dipertuturkan di Indonesia dan Malaysia terutama istilah bahasa Melayu yang mempunyai status yang tinggi malah lebih baik dari bahasa standard.

Dalam perkara ini, Brunei akan terus memberikan kerjasama jika diperlukan dan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam berperanan di bidang kebahasaan ini akan dapat diperluaskan di samping menerima ianya juga perlu memberi.

Dari segi kebudayaan pula, kebudayaan tradi-

sional harus dikekalkan supaya kita akan dikenali sebagai suatu bangsa yang beridentiti iaitu identiti keBruneian yang bermakna merangkumi soal-soal keIslaman dan juga keMelayuan.

Tidak ada perkara yang boleh dipersoalkan lagi dalam hal hubungan kebudayaan dan kebangsaan ini. Ianya mestilah berteraskan Melayu dan berteraskan Islam. Jika ia bertentangan dengan kedua perkara ini ianya akan ditapis dan diselaraskan dengan keperluan-keperluan bangsa dan negara kita terutama untuk generasi akan datang supaya kebudayaan nasional Brunei tidak akan dilupakan begitu saja dalam proses perkembangan kemajuan dunia moden masa ini.

Dewan Bahasa dan Pustaka dalam pada itu pula akan terus meneruskan memberikan usaha-usaha

....kebudayaan tradisional harus dikekalkan supaya kita akan dikenali sebagai suatu bangsa yang beridentiti iaitu identiti keBruneian yang bermakna merangkumi soal-soal keIslaman dan juga keMelayuan.

DIALOG SEMASA

diusahakan/disusun oleh: MANAF HAR
dengan kerjasama
Bahagian Melayu Radio Brunei.

Fokus Dewan Bahasa dan Pustaka:



PENGIRAN Badaruddin ketika memberikan ceramah di Simposium Bahasa baru-

....tetapi usaha-usaha hendaklah dilaksanakan sekarang untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran negara dalam semua bidang.

gigih di bidang tersebut dengan pemikiran, segala apa jua bentuk kebudayaan dari puak-puak asli yang telah diperkanunkan di dalam Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei 1959 akan terus dikaji, selidiki, paparkan dan siarkan kepada bangsa Brunei, terutama generasi muda supaya mereka mempunyai perasaan 'memiliki sesuatu' agar dapat dipamerkan kepada bangsa luar bahawa

bangsa Brunei juga adalah bangsa beradab, bermaruah tinggi dan mempunyai kebudayaan yang tersendiri dan unik, dan dengan cara demikian kita akan dipandang tinggi oleh bangsa lain di Nusantara ini.

Sehubungan dengan ini pula tentulah soal bahasa itu diutamakan kerana ianya lahir bersama bangsa itu sendiri. Jadi Bahasa itu perlu dipertingkatkan lagi dengan adanya sastera. Sebab sastera itu adalah satu seni yang halus, menarik dan mendatangkan faedah kepada orang yang membacanya.

Jadi bahasa dan sastera tidak boleh dipisahkan.

Dari itu sastera ting untuk me dan mengketi keningan ba Hanya bangsa punyai sastera yang akan 35 memberitahu mengenai keb 35 dalam satu ben dan keindahan akan dinikma 35 timbul satu 35 oleh bangsa dalam bahasa mungkin ba 35 sastera kita dan lain yang 35 akan mengka 35 nilai-nilai ke 35 kebudayaan 35 sosiopolitik 35 melalui inila 35 akan mengho 35

(Bersambung)

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

**HARI RABU
13HB APRIL**

PETANG
7.45 PEMBUKAAN
7.50 QURAN DAN KESIMPULAN
8.00 MAKNANYA
8.05 SUSUNAN RANCANGAN
8.10 KAP KAP UDANG
8.15 GREAT SPACE COASTER
8.20 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
8.25 BERITA AWAL
8.30 DIFFERENT STROKES
8.35 321 CONTACT
8.40 AZAN MAGHRIB
8.45 321 CONTACT — sambungan

MALAM
8.50 BERITA DALAM BAHASA
8.55 INGGERIS
9.00 JULIET BRAVO:
"Home-Grown Or Imported?"
Perbelahan timbul di Hartley apabila seorang pendatang baru bercadang untuk membuka sebuah "country club". Dan Sergeant Beck menasihati kepada Jean yang bercanggah pendapat dengan dua orang detektif yang sedang melawat.

9.05 AZAN ISYAK
9.10 JULIET BRAVO — sambungan
9.15 WARTA BERITA
9.20 LIPUTAN NASIONAL
9.25 PRIVATE BENJAMIN:
"Beauty And The Brass"
Ketika Pt Benjamin sedang mengekur seorang pencuri Capt Lewis pula melakukan tugas detektifnya sendiri.
9.30 QUINCY: "Science For Sale"
9.35 TAYANGAN GAMBAR:
"Sidney Shorr - A Girl's Best Friend"
Seorang lelaki pertengahan umur berkahwin baik dengan seorang wanita yang sedang mengandung; menjadi ayah angkat kepada anak wanita itu. Kemudian dia ditinggalkan selama lima tahun. Pelakon-pelakon: Tony Randall, Lorna Patterson, David Huffman, dan lain-lain.
9.40 SIARAN TAMAT.


**HARI KHAMIS
14HB APRIL**

PETANG
7.45 PEMBUKAAN
7.50 QURAN DAN KESIMPULAN
8.00 MAKNANYA
8.05 SUSUNAN RANCANGAN
8.10 KAP KAP UDANG
8.15 SESAME STREET
8.20 BERITA AWAL
8.25 FLINTSTONE FROLICS
8.30 WORLD OF SURVIVAL —
"A Change Of Scene"
8.35 AZAN MAGHRIB
8.40 WORLD OF SURVIVAL —
sambungan

MALAM
9.00 BERITA DALAM BAHASA
9.05 INGGERIS
9.10 KNIGHT RIDER:
"Plush Ride"
Michael Knight diarah oleh State Department untuk "memancing" seorang pembunuh upahan dari satu persidangan Dunia Ketiga mengenai keamanan.
9.15 AZAN ISYAK
9.20 KNIGHT RIDER — sambungan
9.25 WARTA BERITA
9.30 HIDAYAT
9.35 DUNIA MINGGU INI
9.40 ROAD TO WEMBLEY:
"Brighton lwn Norwich"
9.45 NINE TO FIVE:
"Torn Between One Lover"
9.50 BELLAMY
9.55 SIARAN TAMAT.

**HARI JUMAAT
15HB APRIL**

PETANG HARI
7.45 PEMBUKAAN
7.50 QURAN DAN KESIMPULAN
8.00 MAKNANYA
8.05 SUSUNAN RANCANGAN
8.10 RANCANGAN AGAMA
8.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-
YANG FARDU JUMAAT DARI
MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.20 BANDAR SERI BEGAWAN
8.25 ROAD TO L.A.



DARI kiri, Tony Randall sebagai Sidney, Kaleena Kiff sebagai Patti Morgan dan Swoosie Kurtz sebagai Laurie Morgan dalam siri baru LOVE SIDNEY menggantikan siri Angie — Ahad, 6.30 petang.

PETANG
2.15 MUTIKA '83 (ulangan)
3.00 HEATHCLIFF AND MARMA-
DUKE
3.30 WILDLIFE ON ONE:
"The Impossible Bird"
3.42 AZAN ASAR
3.45 WILDLIFE ON ONE — sambungan
4.00 THESE ARE THE DAYS
4.25 SAYANG ADIKKU SAYANG
4.55 ELECTRIC COMPANY
5.20 AGRICULTURE:
"The Soil And Nutrients"
5.35 THE ODDBALL COUPLE
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 SECRET VALLEY:
"Secret Valley Bushfire"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 SECRET VALLEY — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.15 INGGERIS
7.15 THE AMAZING SPIDERMAN:
"The Captive Tower"
Kali ini Spiderman bertindak menentang rancangan sekumpulan penganas untuk meletupkan sebuah bangunan pencakar langit.
7.44 AZAN ISYAK
7.49 SPIDERMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 IRAMA DAKWAH
9.05 DALLAS: "Fringe Benefits"
Di satu makan malam, JR memujuk Sue Ellen untuk menjadi hostess di satu perundingan dengan Gil Thurman. Manakala di satu pertemuan yang lain pula Thurman memberitahu Afton bahawa JR hendak membeli kilang penapis minyak (refinery)nya.
9.55 DETECTIVE SCHOOL
10.25 CBS SPORTS SPECTACULAR
10.55 STRIKE FORCE:
"Hollow Man"
11.45 SIARAN TAMAT.

**HARI SABTU
16HB APRIL**

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN KESIMPULAN
4.28 MAKNANYA
4.30 SUSUNAN RANCANGAN
4.35 KAP KAP UDANG
4.40 SESAME STREET
4.45 BERITA AWAL
4.50 GEOGRAPHY TODAY
4.55 WORLD OF BIRDS:
"Osprey" Bgh I.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 WORLD OF BIRDS — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.15 INGGERIS
7.15 BARBARA MANDRELL AND
MANDRELL SISTERS
7.43 AZAN ISYAK
7.48 BARBARA MANDRELL AND
MANDRELL SISTERS —
sambungan

8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MUTIKA '83 SEPARUH AKHIR
No. 3.
9.35 TAYANGAN FILEM INDONESIA
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR:
"Land of Pharaohs"
Pemandangan yang sukar menandinginya ketika penduduk Mesir di bawah perintah keturunan Firaun membina sebuah dari tujuh binaan ajaib dunia. Pelakon-pelakon: Jack Hawkins, Joan Collins, Dewey Martin, Alexis Minotis dan lain-lain.
12.35 SIARAN TAMAT.

**HARI AHAD
17HB APRIL**

PETANG
2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN KESIMPULAN
2.13 MAKNANYA
2.15 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 KIMBA THE WHITE LION:
"Monster of the Mountain"
2.45 THE JEFFERSONS
3.10 BIG LEAGUE SOCCER
3.41 AZAN ASAR
3.44 BIG LEAGUE SOCCER —
sambungan
4.00 PLASTIC MAN
4.30 BENGKEL KANAK-KANAK
(Ulangan)
5.00 TECHNOLOGY RISKS AND
OPPORTUNITIES:
"Utilisation of Refuse All Kinds"
5.15 ON SAFARI
5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FONZ AND THE HAPPY
DAYS GANG
6.30 LOVE SIDNEY:
Siri baru mengisahkan mula-mula hidupnya kosong sehingga seorang ibu dan seorang anak gadisnya berpindah ke apartment di mana dia menginap. Kasih sayangnya kepada gadis kecil, enam tahun, itu memberi makna kepada kehidupan Sidney Shorr.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 LOVE SIDNEY — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.15 INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON
7.43 AZAN ISYAK
7.48 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SEJOLI
9.25 ONE IN MILLION:
"Stone Symons"
9.55 IN THE MOUTH OF THE
DRAGON
10.25 RUSH:
"A Shilling A Day" —
(Episod terakhir)
Dalam episod terakhir ini Welshman Tim Thomas mengetuai pekerja-pekerja lombong untuk berunding dengan Great Eastern Mines mengenai pem-

bayaran yang lebih tinggi.
11.1g TALES OF THE UNEXPECTED:
"Sauce For The Goose"
11.45 SIARAN TAMAT.

**HARI ISNIN
18HB APRIL**


PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN KESIMPULAN
4.28 MAKNANYA
4.30 SUSUNAN RANCANGAN
4.35 KAP KAP UDANG
5.00 WHISPER OF GLOCKEN:
"The Flood" (Siri Baru).
5.15 THE PERILS OF PENELOPE
5.40 PITSTOP
5.40 DASTARDLY AND MUTTELY
(Siri baru)
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 THAT'S INCREDIBLE —
sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.15 INGGERIS
7.15 THE POWERS OF MATTHEW
STAR
7.43 AZAN ISYAK
7.48 THE POWERS OF MATTHEW
STAR — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 CONNECTIONS:
"Eat, Drink and Be Merry..."
10.05 SHOGUN
11.05 WINNETOU
11.55 SIARAN TAMAT.

**HARI SELASA
19HB APRIL**

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN KESIMPULAN
4.28 MAKNANYA
4.30 SUSUNAN RANCANGAN
4.35 KAP KAP UDANG
5.00 LEGEND OF KING ARTHUR
5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN
ANIMATION: "Little Match Girl"
6.00 BERITA AWAL
6.05 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
— sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA
7.15 INGGERIS
7.15 FALCON CREST:
"Troubled Waters"
7.43 AZAN ISYAK
7.48 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.20 DYNASTY
(Episod terakhir)
10.20 TAYANGAN GAMBAR:
"The Capture of Grizzly Adams"
11.50 SIARAN TAMAT.



TAYANGAN Gambar Selasa depan — THE CAPTURE OF GRIZZLY ADAMS ialah kisah seorang ayah yang melarikan diri ke pergunungan kerana takut ditangkap atas tuduhan yang dia tidak melakukannya. Gambar atas menunjukkan pertemuan rahsianya dengan anak perempuannya.

MUTIKA '83: LAPAN PESERTA IKUT BERTANDING DALAM SEPARUH AKHIR KETIGA

TIBA kita ke rancangan ketiga, Mutika '83 peringkat separuh akhir di mana lapan orang lagi peserta akan muncul. Mereka juga akan membawakan dua buah lagu pilihan masing-masing.

Peserta dalam rancangan ini ialah Ak. Ramli Pg. Haji Serudin, Awg. Mohd. Roslim Daud, Dy. Masni Ali, Awang Metussin Haji Laki, Awang Lim Kah Seng, Awang Suhaili Haji Metali, Dyg. Masni Haji Abdullah dan Awang Sahari Taha.

Rancangan ini akan disiarkan pada 16hb. April '83 jam 9.00 malam.



Ak. Ramli Pg. Haji Serudin



Awg. Mohd. Roslim Daud.



Dayang Masni Ali



Awg. Metussin Haji Laki



Awg. Sahari Taha



Dayang Masni Haji Abdullah



Awg. Suhaili Haji Metali



Awg. Lim Kah Seng

Masalah sosial muda-mudi dalam sandiwara radio minggu ini **ANAK SIAPA**

UNTUK para peminat ruangan Sandiwara Radio, minggu ini 'ANAK SIAPA' tulisan Yahya A.T. Brunei telah dipilih untuk mengisikan rancangan ini.

Perkara yang diutarakan ialah mengenai masalah sosial masyarakat khususnya muda-mudi sekarang. Hidup bermasyarakat memang bermacam-macam ragamnya. Seperti juga halnya dengan kehidupan keluarga Milah dan Salmah jirannya. Perkara tuduh-menduduh, kata-mengata memang tidak dapat dielakkan, lebih-lebih lagi pada orang yang suka men-galah tepi kain orang lain.

Salmah dan anak gadisnya Rosni memang berhasrat untuk menyakit hati keluarga Milah yang berpunca dari perasaan cemburu terhadap Azri anaknya. Rosni yang sebenarnya menaruh hati terhadap Azri itu merasa hanipa bila Azri sama sekali tidak membalas perasaannya itu, dan mulalah dia mencari helah untuk memburukkan nama Azri.

Segala perbuatan Azri semuanya buruk di mata Rosni. Dan semua itu pula menjadi bahan ristaan dan aduan Salmah pada ibu Azri. Dari sanalah timbul perasaan tidak senang di hati ibunya.

Tapi sayangnya, Rosni sendiri tidak menampakkan perangai yang baik. Malahan tingkah-lakunya lebih buruk lagi, dan telah menyebabkan sesuatu yang memalukan dirinya sendiri dan juga untuk keluarganya. Apa yang diterimanya malah lebih dahsyat lagi daripada Azri yang diburuk-burukkan selama ini.

Apakah kejadian buruk yang menimpa Rosni itu? Bagaimana pula halnya dengan Azri? Apa pula kesudahan dari kisah ini? Untuk itu, para pendengar adalah dipersilakan untuk mengikuti siarannya pada 17hb. April, 1983 hari Ahad, jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Helen Thu.

Radio minggu ini:

SUNTINGAN

MAKSUD kami memperkatakan 'SUNTINGAN' ini bukanlah berhasrat pula untuk menyunting mekar di taman atau untuk menyunting 'meminang' seseorang dara idaman tetapi suntingan yang akan diperkatakan ini ialah menurut istilah urusan radio sehari-hari. Setiap penerbit radio pandai menyunting dan di samping itu pula 'menyungkit' sekali lagi ditegaskan bukan maksud kami menyungkit renda tetapi mengait-gaitkan pita-pita rakaman yang sudah disunting itu.

Suntingan atau dalam bahasa Inggerisnya 'EDITING' diperlukan ke atas banyak pita-pita rakaman yang akan disiarkan terutama pita-pita dari hasil rakaman-rakaman di sana-sini setiap hari. Suntingan adalah diperlukan dan suntingan dibuat oleh setiap pertubuhan radio di dunia ini.

PERLU DISUNTING

Tentu orang akan bertanya kenapa suntingan itu perlu, tidakkah boleh keseluruhan rakaman itu disiarkan saja ke udara. Sebenarnya banyak perkara yang harus diperkatakan mengenai soal ini tetapi memadamkan rasanya untuk membentangkan perkara besarnya saja. Sesungguhnya badan penyiaran itu terpaksa membuat susunan acaranya dengan mempertimbangkan kecenderungan para pendengar keseluruhannya, di sinilah kayu ukur yang kita ambil dalam membuat susunan rancangan tadi.

Para pendengar itu terdiri dari

berbagai-bagai golongan. Golongan tersebut ialah muda-mudi, orang-orang dewasa dan kanak-kanak. Dan dalam semu golongan itu pula terdapat latar belakang dan cara berfikir serta selera yang tidak serupa. Jadinya apabila kita menyusun acara-acara siaran harian itu kita terpaksa memikirkan golongan-golongan masyarakat itu tadi, kerana apalah ertinya diberikan makanan yang berlada kepada orang yang tidak suka kepada makanan-makanan yang pedas.

LEBIH TERTARIK

Dari pengalaman kita yang setiap hari mengendalikn soal penyiaran ini didapati sebahagian besar para pendengar lebih tertarik kepada acara-acara hiburan sama ada hiburan piring-piring hitam, pancaragam-pancaragam tempatan, dan lakunan-lakunan drama, dan dapat kita katakan bahawa sebahagian besarnya tidak tertarik kepada rancangan-rancangan 'TALK' atau syarahan-syarahan yang panjang-panjang. Oleh yang demikian, untuk menarik selera para pendengar kepada rancangan-rancangan yang bercorak 'talk' atau syarahan tadi, maka sesebuah badan penyiaran itu terpaksa menyunting hasil-hasil rakaman tadi. Dengan yang demikian akan dapat mempersembahkan intisari dan babak-babak yang menarik dari ucapan-ucapan yang kadang-kadang memakan masa lebih dari satu jam itu.

Pada pendapat kita, bersandar-

kan kepada apa yang ternyata hawa para pendengar tidak suka yang benar-benar satu-satu 'talk' atau syarahan dainya syarahan itu lebih miniit disiarkan ke udara. Banyak pendapat ahli-ahli syarahan yang terlalu panjang akan menjadikan 'dull' atau membosankan. Akibat akan menimbulkan reaksi itu ialah mereka tidak akan berminat mengikuti apa yang diperkatakan dalam syarahan disiarkan panjang-panjang mereka terus menukar gelombang ke lain siaran.

SISTEM 'EDITING'

Kerana itu setiap pertubuhan penyiaran termasuk Radio Brunei menggunakan sistem 'editing' suntingan ini ke atas rakaman yang panjang-panjang untuk mengambil intisari babak-babak penting dan agar para pendengar lebih berminat mengikuti satu-satu syarahan berguna itu dan maksud kita ialah untuk didengar dan didapati oleh sebahagian besar para pendengar.

Dalam pada itu pula kita menafikan adanya syarahan yang panjang-panjang cukup menarik para pendengar walau berapa panjang dan sebagainya ternyata diakui bersama bahawa syarahan itu sukar dicari dan didapati.

Intisari minggu ini

Pertandingan Bintang Remaja '83

DAFTAR Bahagian Melayu Radio Televisyen akan menganjurkan pertandingan nyanyian Remaja '83. Pertandingan yang pertama kalinya sebagai projek Bahagian Melayu RTB. Hanya Poja Usia Kebawah DYMM ke-37 tahun. Terbuka kepada warganegara Brunei yang berumur 12 hingga 18 tahun, lelaki dan perempuan.

Bahagian Melayu Radio Televisyen Brunei menganjurkan pertandingan ini ialah bagi menyahut seruan para ibu bapa-anak mereka sudah melebihi umur 12 tahun berpeluang memasuki sebarang pertandingan yang dianjurkan oleh Radio Televisyen Brunei. Dengan pertandingan ini nanti, sudah tentu akan memberi peluang kepada kanak-kanak yang akan menjadi dewasa di bidangnya di bidang seni suara. Borang-borang boleh didapati sekarang seperti alamat-alamat

Brunei Muara — Di bilik Bahagian Melayu Radio Televisyen Brunei, atau di tempat penyambut tetamu,

Tutong — Di Bilik Bacaan, Dewan Bahasa dan Pustaka Tutong.

Belait — Di Bilik Bacaan, Dewan Bahasa dan Pustaka Seri Belait.

Temburong — Di Bilik Bacaan, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Temburong.

Untuk menghantar borang-borang penyertaan, ia akan diterima pada hari Isnin, 25hb. April 1983. Hantar borang penyertaan melalui alamat-alamat yang tertera di atas.



DAERAH Temburong baru saja selesai memilih wakilnya ke pertandingan Bintang Kecil Radio 83 peringkat separuh akhir yang akan diadakan pada hari Jumaat, 22hb April, 1983, bertempat di Dewan Raya RTB. Pemilihan Bintang Kecil Radio 83 peringkat Daerah Temburong telah diadakan pada hari Ahad lepas, 3hb April 1983. Dalam pertandingan itu, Johan ialah Awang Roslan Haji Ibrahim, Naib Johan Nor Dayang Ali, ketiga Abu Sofian Md Zain dan keempat Dayang Kamsiah Haji Ahmad (gambar bawah). Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Pengetua Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar, Awang Masri Shari (gambar atas).



UJILAH BAHASA KITA

HARI JUMAAT 15hb April, 1983 pukul 9.00 pagi — Bahagian Menengah Bawah suku akhir: STPRI bertemu Maktab SOAS.

HARI AHAD 17hb. April, 1983 pukul 1.30 tengahari — Bahagian Menengah Bawah suku akhir: SM ARAB PEREMPUAN RAJA ISTERI PG ANAK DAMIT bertemu SEKOLAH MENENGAH SUNGAI KEBUN.

BATTLE OF WORDS

UPPER SECONDARY:

ST. ANGELA'S SCHOOL VS.

SOAS COLLEGE

(Friday 15th April, 1983) at 11.00 am

LOWER SECONDARY:

ST. GEORGE'S SCHOOL VS.

MMPSBS/SCIENCE SCHOOL

(Sunday 17th. April, 1983) at 11.00 am

Rancangan TVP — dari 18hb hingga 23hb April, 1983

Isnin — 18hb April

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 12

(Days of the week)

Dalam rancangan ini Gani mengajar Jay Jay dan kawan-kawan nama-nama hari dalam satu minggu. Di Magic Pool Gani dan Jay Jay nampak perkataan yang bermula dengan huruf 'L'. Bila mereka balik dari Magic Pool mereka berjumpa Owl, di sini Owl, bercerita berkenaan dengan 'Budak Yang Jujur'.

9.20 SAINS UNTUK DARJAH 5

(Burung)

Dalam rancangan ini murid-murid dibawa mengenal jenis burung. Burung-burung boleh dikenal dengan sifat-sifatnya seperti:

1. Mempunyai bulu di seluruh badan.
2. Bertelur.
3. Bernafas dengan paru-paru.
4. Mempunyai paruh.
5. Berdarah panas.

Burung helang mempunyai paruh yang digunakan untuk menangkap mangsa. Unta-jam serta bengkok. Apakah ketuk mengetahuinya ikutilah nanti di rancangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 848.

Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBUK, SI AMIN, MINUM, PAK LONG, PAPAN HIKMAT, DI MANA TEMPATNYA dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 848.

Selasa — 19hb April

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 12

(Days of the week)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Burung)

10.30 KAP KAP UDANG 849.

Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, MINUM, SI MANIS, MAIN BAKUL, SIRI PERMULAAN dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 849.

Rabu — 20hb April

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 12

(Days of the week)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Burung)

10.30 KAP KAP UDANG 850.

Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN MU-

SIK, PETI SURAT, MINUM, BERSENAM, HALAMAN BINATANG dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 850.

Khamis — 21hb April

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 851.

Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, TUNJUK BENDA, AMINAH, MAIN BOLA, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 851.

Sabtu — 23hb April

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 852.

Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti KETUA KESELAMATAN, MAIN JIG-SAW, MINUM, BOLA TUMBUK, AMIN, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 852. z

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU 13HB APRIL

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Tetty Kadi.

T/HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.
PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Selindung Delima Siri Pertama), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja, 6.15 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagu Asli.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman (SU), 9.45 — Senandung Budaya, 10.00 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS 14HB APRIL

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

T/HARI: 1.30 — Puspasari/Keroncong.
PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Agama/Soal Jawab Agama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Balai Drama (SU), 4.45 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dakwah), 5.45 — Lagu-lagu Nasihat, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagu Asli.

HARI JUMAAT 15HB APRIL

PAGI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50 — Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Ujilah Bahasa Kita, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

T/HARI: 12.00 — Lagu-Lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-Lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Puspasari, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dialog Semasa, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Santingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Senandung Lagu-lagu Lama, 6.15 — Bingkisan Hari Ini (SU).

6.15 — Bingkisan Hari Ini (SU).
MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Agama/Majalah Agama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

TIAP-TIAP HARI:

PAGI:

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria
7.05 Panduan Sukan
8.15 Intisari Rancangan

TENGAHARI

12.00-12.45 Sajjan Tengahari (Mempersembahkan lagu stereo)
12.15 Mutiara Titah
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

PETANG

5.45 Brunei Dalam Sejarah
6.00 Siri Mukaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib.

MALAM

10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengahari
1.30 tengahari (tiap-tiap Jumaat)

3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

9.30 malam Berita D. BBC L.

Menyilarkan Azan:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI SABTU 16HB APRIL

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riag Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampai Sari, 11.30 — Hiburan Untuk Adik-adik.

T/HARI: 1.30 — Lagu-Lagu Dari Filem, 1.45 Dialog Semasa.

PETANG: 2.00 — Mutika Separuh Akhir '83, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Agama, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.45 — Usaha Jaya.

HARI AHAD 17HB APRIL

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Kugiran Tanah Air, 11.30 — Berbalas Pantun.

T/HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.30 — Ujilah Bahasa Kita.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gambus, 3.30 — Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-Lagu Lama).

HARI ISNIN 18HB APRIL

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

T/HARI: 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — Belia Mewakili Zamannya.

5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kula (SU), 6.15 — Bingkisan Hari Ini.
MALAM: 7.00 — Majalah Sukan, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Peristiwa, 9.00 — Lagu-Lagu Lama, 9.45 — Ku Tujukan Lagu.

HARI SELASA 19HB APRIL

PAGI: 8.25 — Panduan Wanita, Suara Perajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, Rampaian London, 10.45 — Lagu-lagu Permintaan Kaum Wanita, 11.15 — Dendang Awda, 11.30 — Senandung Sukan.

T/HARI: 1.30 — Senandung Pagi (SU).

PETANG: 2.00 — Ku Sampaikan, 3.15 — Gema Silam, 3.30 — Untuk Awda, 4.00 — Gema Keroncong/Puspasari, Seni Dan Sastera, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.45 — Hiburan Malam, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Ruangan Ketani, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Kugiran Tanah Air, 9.45 — Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00-9.30 Classical music night With Rory Higgins

Thursday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.45 Stereo Pop Special: "Saga" — 264.
9.30 Country Club — 36.

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Battle of Words (Upper Secondary)
11.30 Children's half hour

NOON

12.00 Yesterday Once More — 15.

P.M.

12.45 My Music — 244/267.
1.15 Book Club Summer Lighting by P.G. Wodehouse — 5/15.

P.M.

8.00 The World of Books.
8.45 International Money Programme.
9.00 Perspective
9.30 A Date with Michael Jackson (repeat)

Saturday

P.M.

8.30 Hits In Germany.
8.45 Just A Minute — 251/261.
9.30 Top of The Tops — 958.

Sunday

A.M.

11.00 Battle of Words (Lower Secondary)
11.30 Practical World
11.45 A Date
12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 958 (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Do You Know . . . ? (Science Made Easy) 'Drugs'
8.15 Beautiful Music — 20/48.
8.30 English Examined — 58.
8.45 BBC Science Magazine
9.30 Drama: "Our Man in Havana" — A comedy spy thriller by Graham Greene — 3/6.

Monday

P.M.

8.00 Profile: Cliff Richard's Twenty Golden Years Part (2nd half).
8.45 Up The Belait River with guest this week Major General M. Farndale.
9.30 All That Jazz — 42.

Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood

Daily

A.M.

6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei's Am
7.00 World and Local News with tide time and Brunei in History.
7.15 Brunei's A.M. (continued)
11.00 Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays
12.00 Lunch Break — except Fridays and Sundays
12.30 News and weather report, sidelines and History of Brunei.

P.M.

8.30 Radio Newsreel (except Sundays)
9.15 News

SUKAN PELITA

Kelolaan:
Manaf Rahman

BRUNEI berjaya memasuki peringkat suku akhir setelah memenangi perlawanan terakhir dengan menundukkan Terengganu, 1-0.

Gol pembunuh penyerang handalan, Majidi telah mengamin Brunei untuk merobohkan tembok suku akhir Terengganu berada di kancas siri Piala Malaysia.

Majidi yang tidak 'fit' kerana kecederaan dan demam hanya mampu bermain selama 35 minit sewaktu Brunei menundukkan Selangor terpaksa di pertaruhkan oleh pengganti dalam menentukan nasib 'hidup atau mati' mereka.

Hebat! Hanya berada kira-kira tujuh minit, Majidi hanya menembusi pertahanan Terengganu setelah menerima hantaran 'through' dari Zainuddin untuk menewaskan penjaga gol, Sheikh Anwar di minit ke 62.

Dua sebab kenapa kita berbangga ke atas kejayaan ini. Pertama mencapai ke suku akhir. Kedua menewaskan Terengganu. Menundukkan Terengganu tentu lebih bermakna kerana pasukan ini ingin menjadi 'batu penghalang' buat kali ketiga setelah membuat dua tahun berturut-turut menghampakan Brunei.

Ini adalah kejayaan yang paling cemerlang oleh pasukan kebangsaan setakat ini. Meskipun pada mulanya terasa rumit melalui jalan seribu liku memandangkan dua benteng terakhir adalah menentang Selangor dan Terengganu tetapi kerana keazaman yang tinggi, Brunei berjaya 'menjinakkan' dua pendatang itu.

Tekanan yang berterusan diberikan di awal permainan dengan Selangor telah dapat menguak-kacirkan benteng pertahanan bila Santokh dengan gopoh cuba membuat 'clearance' tapi tertendang bola tergoles ke gawang sendiri.

Tapi keadaan yang memencamkan berterusan bila Selangor mengasak tidak berhenti, mujur Brunei dapat bertahan terutama performance penjaga gol gantian, Ibrahim Bakar yang cemerlang menyelamatkan kubu beberapa kali hinggalah ke-wisai penamat.



Majidi Ghani

Jaringan bertuah Majidi :

BRUNEI BERJAYA KE SUKU AKHIR

Kelembapan barisan depan ekoran ketiadaan Majidi dalam pertemuan dengan Terengganu meresahkan para peminat. Kerana mereka tahu keputusan seri tentu tidak mencukupi.

Di minit ke 10 separuh kedua, keputusan paling rumit terpaksa diambil 'Majidi terpaksa bermain'. Menyedari yang tenaganya amat diperlukan, Majidi mengeneipkan kesihatannya buat seketika untuk bersama membantu negara ke suku akhir.

Penat lelah dan pengorbanannya serta tepuk gemuruh kepercayaan peminat dapat dibalasnya dengan jaringan bersejarah membawa pasukan negara ke matlamat yang diidamkan.



Zainuddin berdepan dengan Reduan Abdullah ketika mengatur serangan ke Kubu Selangor. Brunei menang 1 - 0.

Kekal rekod tanpa kalah

BRUNEI mengekalkan rekod cemerlang tanpa kalah di tempat sendiri bagi musim Piala Malaysia tahun ini. Kemenangan dengan Terengganu yang menentukan Brunei melangkah ke suku akhir adalah yang ketujuh.

Selangor, Terengganu, Pulau Pinang, Pahang, Perak dan Kedah gagal memecahkan rekod tanpa kalah dengan Brunei.

Di semua perlawanan tersebut, Brunei berjaya menjarangkan sepuluh gol dan hanya memasukkan satu gol dan cenderamata ini dihidiahkan oleh pemain Kedah, Nasir Ibrahim, satu-satunya pemain yang berjaya menewaskan Ali.

Ibrahim Bakar, penjaga gol kedua juga berjaya menutup gawang dari ditembusi sewaktu Brunei berentap dengan Selangor.

Tahniah dari Mokhtar



Mokhtar Dahari

PENYERANG yang paling digeruni oleh lawan dan bekas pemain ulung kebangsaan Malaysia, Mokhtar Dahari memberikan tahniah kepada pasukan kebangsaan Brunei yang telah meraih kemenangan dari pasukannya, Selangor.

Mokhtar menyesali kelembapan barisan depan Selangor yang mensiakan peluang-peluang yang begitu banyak dan meskipun jaringan itu hasil kesilapan sendiri tapi Brunei berhak menerimanya.

Keazaman mereka yang tinggi dan bermain dengan menyedari hakikat hidup atau mati membolehkan Brunei mencapai matlamatnya.

"Jika dihitung kira memang keadaan padang tidak begitu memuaskan, tapi saya tidak ingin itu sebagai alasan kerana Brunei lebih bijak menyesuaikan corak permainan dengan padang dengan menggunakan hantaran jauh berbanding dengan Selangor suka taktik 'one two' dengan bola melantun-lantun," ujar Mokhtar.

Sementara Reduan Abdullah dan Jamaluddin Nor-bit memberi alasan kerana keadaan padang yang begitu buruk sekali keadaannya. Tapi keduanya tidak menafikan keazaman Brunei menahan asakan yang bertubi-tubi bagi mengecewakan Selangor membuat penyamaan, (cukup berkesan).

Piala Presiden

KEJOHANAN bolasepak Piala Presiden sedang dalam proses penyelenggaraan dan dijangka akan bermula pada penghujung bulan ini atau awal Mei depan.

Piala Presiden pertama kali dikendalikan oleh BAFA untuk Daerah Brunei-Muara saja, bertujuan untuk meninggikan taraf dan mutu permainan bolasepak di negeri ini.

Kelab, persatuan belia dan kebajikan, syarikat swasta, badan sukan yang sah pendaftarannya dengan kerajaan saja dibenarkan ikut serta. Dalam pada itu pihak penganjur berhak menolak pasukan yang dianggap tidak layak mengambil bahagian tanpa memberi alasan.

Manakala jabatan-jabatan kerajaan, sekolah dan maktab dikecualikan ikut serta dan hanya pemain-pemain yang berumur 16 tahun ke atas boleh bermain.

Permohonan tidak akan dilayan tanpa borang pendaftaran berserta salinan 'surat pendaftaran dari kerajaan' dan salinan bergambar 'kad pengenalan' pemain-pemain.

Pemain-pemain yang sedang mewakili pasukan kebangsaan dibolehkan ikut serta dengan mendaftarkan tidak lebih dari dua orang pemain kebangsaan dalam satu-satu pasukan.

Borang-borang penyertaan sekarang boleh didapati dari Awang Ibrahim Haji Johari, Latihan Jasmani Jabatan Pelajaran; Awang Mohd. Noor bin Abdullah, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dan Awang Haji Alidon bin Haji Laidin di Jabatan Kerja Raya.

Borang tersebut hendaklah dikembalikan tidak lewat dari hari Sabtu ini, 16hb. April kepada Pg. Hj. Yusuf bin Pg. Bunut di Jabatan Perkhidmatan Diplomatik atau kepada nama-nama yang tersebut di atas.

Liga 19 tahun ke bawah

KEJOHANAN liga bolasepak 19 tahun ke bawah antara daerah yang dianjurkan oleh BAFA dan ditaja oleh Shell Brunei mencapai peringkat separuh akhir pada 15hb. April depan.

Di peringkat ini akan menemukan johan dan naib johan tiap-tiap kumpulan iaitu Brunei A akan bertemu dengan Belait B di Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong, dan diperlawanan yang satu lagi antara Belait A dengan Brunei B di Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Sementara itu penentuan tempat ketiga akan dilangsungkan pada hari Ahad, 17hb. April dan pertandingan akhir akan diadakan di Padang KBRC pada 1hb. Mei depan.

Syarikat Adidas sampai alat-alat

PASUKAN bolasepak kebangsaan telah menerima perkakas alat-alat sukan yang mengandungi dua set jersi dan seluar, satu set track suit dan satu set bag yang semuanya keluaran Adidas.

Ini adalah merupakan kali pertama Syarikat Adidas menaja keseluruhan kelengkapan pasukan bolasepak kebangsaan dan tajaan ini akan berjalan selama tiga tahun.

Sempena penajaan ini satu penyampaian ringkas alat-alat tersebut telah diadakan pada hari Khamis lepas di Bilik Majlis Belia-belia di Pusat Belia.

Wakil Syarikat Adidas bagi kawasan Borneo, Awang Francis Tan telah menyampaikan alat-alat tersebut kepada Naib Yang Dipertua BAFA, Awang Talib bin Haji Beruddin. (dalam gambar)



JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI PENYELIA TINGKAT II (Telefon) DI A.M.D.B.

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk dilantik sebagai

bagai PENYELIA TINGKAT II (Telefon) di Askar Melayu Diraja Brunei.

Tangga Gaji:

D. 2-3 EB, 4—\$515-\$1175 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:

Calon-calon mestilah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei, atau yang sebanding dengannya, dan mempunyai pengalaman bekerja sebagai opereter telefon skurang-kurangnya selama tiga tahun.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akan dan sijil-sijil tidak lewat dari 28hb. April 1983.

(E/1833/76)
(Bil: 68/1983).

PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkut dan membuang najis-najis (night soil) sebanyak 274 tong di dalam kawasan Lembaga Bandar Kuala Belait, dan 299 tong di dalam kawasan Lembaga Bandar Seria pada sebelah malam bagi enam bulan (Julai-Disember 1983).

2. Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat-pejabat, Bandar Seri Begawan, Brunei, sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin, 18hb. April, 1983. Tawaran yang diterima sesudah tarikh atau waktu ini akan ditolak.

3. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat biasa yang bertutup. Maka di muka sampul surat itu tidak boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama Penawar.

4. Sampul-sampul surat itu mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penuh seperti diterangkan di fasal 2).

5. Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di atas sampul surat itu dan perkataannya mestilah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI DALAM KAWASAN-KAWASAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran-tawaran yang diterima dalam sampul-sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

6. Surat perjanjian mengandungi peraturan-peraturan atas menjalankan pekerjaan mengangkut dan membuang najis dapat dilihat di Pejabat Lembaga Bandar, Kuala Belait, pada bila-bila masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua orang pemandu akan disediakan oleh Jabatan Lembaga Bandar Belait untuk melaksanakan pekerjaan mengangkut dan membuang najis itu dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran.

PEDESTRIAN LANES AT BRIDGES MILE 4/5 JALAN BERAKAS, MILE 8 1/2 JALAN MUARA AND MILE 7, 10 AND 20 JALAN TUTONG

TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the State Secretariat Office, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan from P.W.D. Registered Contractors Class AX and with suitable building and civil engineering work experience, up to 12.00 noon on Monday, April, 18th, 1983 for the Construction and Completion of:—

"PEDESTRIAN LANES AT BRIDGES MILE 4/5 JLN. BERAKAS, MILE 8 1/2 JLN. MUARA AND MILE 7, 10 AND 20 JLN. TUTONG."

2. Tender Documents can be obtained, during normal office hours, from the office of SPECS (Singapore Engineering and Consultancy Services) at Signal Station, Jalan Pelompong, Muara on payment of a Tender Deposit of \$500.00 in the form of Bank Draft in favour of the Brunei Government. The Tender Deposit will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of bona-fide tender and the return of issued Tender Documents and Drawings to the Engineer's Office.

3. Before the Tender Documents will be issued, the Tenderer shall also submit the following documents to the Consulting Engineers:

- Documentary evidence of PWD Registration Status
- A Banker's reference letter from a bank established in Brunei, on the tenderer's financial status and confirming the Bank's willingness to provide a Performance Bond of 10 percent of Contract Value in the event of award of Contract.

4. Tender must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PEDESTRIAN LANES AT BRIDGE MILE 4/5 JLN. BERAKAS, MILE 8 1/2 JLN. MUARA AND MILE 7, 10 AND 20 JALAN TUTONG".

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 9/1983

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Monday 18th April, 1983 for the Supply and Delivery of Fire Brigade Equipments for 1983 and 1984 as follows:—

- Oxy-Viva Resuscitation complete per unit.
- Bristol suit per suit.
- Suit for chemical fire per suit.
- PR1 — 6 Striker per unit.
- Rescue Safety Ropes (polyester) 7/8" x 300' length comply with the demor standard G-36012 and breaking strength minimum 2,000 kg.
- Fuji SS Rorip c/w FS-25 hook and auxiliary rope.
- Mechanical smoke generator per unit.
- Turbine (Angus water turbine) HEF Generator per unit.
- Kroy 80 (Lettering System) per unit.
- Portable video system per unit.
- Resuscitation Dummy.
- Explosive detector.
- Films on fires.
- Feccon pistol grip ball valve per unit.
- Ejector pump model Adjustable and S.2 1/2 model.
- Heat Generator for B.A. smoke chambers.
- Water fog fitting (Ref: E.6905) (for Hose reels: Super fog).
- Portable ground monitor.
- Breathing Apparatus compressed air set, longer duration with spare cylinders and cover for cylinders.
- a. Ferno — Washington basket stretcher
- b. Ferno — Washington scoop stretcher
- c. Ferno — all level ambulance-cot.
- Disposable Vinyl pouch.
- Turnable ladder rescue line 2" Circ. x 300 ft length 16 matt plait c/w pulley block for rescue purposes.
- AWG Control branch, model light alloy.

2. Tenderers are requested to forward their specifications and catalogue for the above with their quotation and tenders. For further particulars and details, please contact Staff Officer at Bandar Seri Begawan Fire Station. All prices quoted based on CIF Brunei.

3. Date of delivery to be stated.

4. Tenders received after the above stipulated time will be rejected.

5. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "Tenders for the Supply of Fire Brigade Equipments". The name of the tenderer must not appear on the envelope.

6. The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board and should be placed in the tenders box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei.

7. The lowest or any tender will not necessarily be accepted.

Royal Brunei

SYARIKAT PENERGANGAN DIRAJA BRUNEI akan masa depan yang baik sebagai Jurutera kapal pada calon-calon yang berkelayakan.

Enam tempat akan diisikan tiap-tiap tahun calon akan dipilih untuk menjalankan latihan selama 4 hingga 5 bulan, di mana nanti dalam masa ini, Syarikat ini akan dapat melihat dan membandingkan calon yang mempunyai minat dan berpotensi dalam kerja ini dan kemudian memilih enam daripadanya untuk hantar ke England dalam bulan Ogos untuk melanjutkan seterusnya.

Kursus ini memakan masa lebih kurang 4 tahun akan meliputi pelajaran-pelajaran asas praktikal dan praktikal dalam pemeliharaan, rawatan dan pembaikan terbang. Setelah berjaya dalam peperiksaan-peperiksaan mereka akan menduduki peperiksaan Civil Aviation (CAA) lisan dan oral, untuk mendapatkan lesen 'A' (Airframe) atau kumpulan 'C' (Engineer) akan kembali ke Brunei dan dijangkakan akan memperoleh lesen kedua dalam bidang yang sama.

Mereka yang berjaya, akan mendapat gaji bulanan \$1345 hingga \$2100 sebulan bagi mereka yang mempunyai satu lesen dan \$1745-\$2620 sebulan bagi mereka yang mempunyai 2 lesen.

KELAYAKAN-KELAYAKAN

- Lulus peringkat 'O' dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan salah satu mata pelajaran Sains sebaik-baiknya pelajaran Fizik.
 - Mempunyai minat dalam bidang kejuruteraan.
 - Berumur 18 hingga 22 tahun.
 - Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.
